



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK SYED MAHMUD BIN SYED IBRAHIM  
USAHAWAN DAN SENIMAN BATIK**

**OLEH:**

**NURAINA FIRZANI BINTI MOHD AZAHANI 2021100147**

**NURUL HAFEEZA BINTI GHAZALI 2021117589**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC - OGOS 2023)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK SYED MAHMUD BIN SYED IBRAHIM  
USAHAWAN DAN SENIMAN BATIK**

**OLEH:**

**NURAINA FIRZANI BINTI MOHD AZAHANI 2021100147**

**NURUL HAFEEZA BINTI GHAZALI 2021117589**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC - OGOS 2023)**

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Pertama sekali, kami ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya yang memberikan kami kekuatan dan ketabahan yang tinggi dalam menyiapkan tugas ini. Tidak dinafikan bahawa kami telah melalui pelbagai halangan dan dugaan sepanjang proses untuk menyiapkan tugas ini. Sesungguhnya tugas yang diberikan dalam subjek ini benar-benar berbeza dengan tugas lain dan menguji kami dengan realiti kehidupan yang sebenar dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan berkaitan dengan tokoh pilihan. Namun begitu, hal ini telah membuka mata kami dan memberikan peluang serta pengalaman baharu untuk berinteraksi dengan dunia luar.

Di kesempatan ini, kami ini mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau semasa menyiapkan tugas ini. Disebabkan oleh beliau yang telah mengajar dan memberikan pelbagai maklumat yang berguna sepanjang proses melaksanakan tugas ini maka, kami dapat menyempurnakan dengan jayanya. Semoga segala pengorbanan dan kebaikan beliau dibalas dengan kebaikan. Semoga Allah merahmatinya dunia akhirat. Tidak dilupakan juga, kami ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada seniman Syed Mahmud bin Syed Ibrahim di atas kesudian serta kerjasama yang terbaik daripada pihak beliau untuk melakukan sesi temubual ini. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau dalam meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi sejarah dan pengalaman beliau sepanjang berkecimpung dalam bidang seni batik.

Akhir sekali, sekalung penghargaan kepada kedua-dua keluarga kami dan pelajar lain atas kerjasama dan dorongan yang membantu, kerana kedua-duanya menyumbang kepada kejayaan menyiapkan tugas ini. Kami sangat berterima kasih kepada rakan-rakan atas sumbangan dan bantuan mereka. Akhir kata, kami berharap tugas ini telah memenuhi semua keperluan dalam memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Kami berdoa semoga kerja yang kami lakukan di sini mendapat keberkatan dan keredhaan Allah serta usaha yang dilakukan ini mendapat ganjaran dengan kejayaan dan rahmat. Sekian, terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN .....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
ABSTRAK.....	vi
ABSTRACT .....	vii
BIODATA PENEMUBUAL 1 .....	ix
BIODATA PENEMUBUAL 2 .....	x
BIODATA TOKOH.....	xii
Pengenalan.....	xiv
TRANSKRIP.....	2
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI SENIMAN .....	2
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN SENIMAN .....	5
BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG KERJAYA AWAL SENIMAN .....	10
BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN SENIMAN SEBAGAI SEORANG PELUKIS BATIK.....	17
BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN SENIMAN DALAM BIDANG SENI BATIK .....	47
BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN / ANUGERAH DAN SUMBANGAN .....	63
BAHAGIAN 7: PENDAPAT/ PANDANGAN/ NASIHAT .....	76
RUJUKAN .....	89
LAMPIRAN.....	93
LOG WAWANCARA.....	95
DIARI KAJIAN .....	105
SENARAI SOALAN .....	108
SURAT PERJANJIAN .....	118
GAMBAR.....	120
SIJIL PENGHARGAAN.....	125
GLOSARI.....	128
INDEKS .....	133

# ABSTRAK

## ABSTRAK

*Abstrak: Batik merupakan satu bidang kraftangan yang unggul di Malaysia. Sejak abad ke-15 Masihi lagi manusia telah menemui kaedah pembuatan batik secara tradisional. Batik secara umumnya dikenali sebagai seni menghias corak kain dengan motif hiasan dan bahan pewarna khusus. Seni batik berbeza-beza mengikut negara dan budaya di sesuatu kawasan. Di Malaysia, batik Malaysia dikenali sebagai satu bidang kraftangan tradisional yang terkenal dan digemari oleh segenap lapisan masyarakat. Pada hakikatnya, batik ialah lambang identiti bangsa Melayu yang sememangnya perlu dibanggakan dan diraikan sepanjang masa merentasi zaman. Disebabkan itu, terdapat ramai tokoh yang terlibat dalam dunia seni batik ini namun, dalam hal ini penyelidik telah menemubual seorang seniman yang bernama Syed Mahmud bin Syed Ibrahim atau lebih mesra digelar Pak Syed. Tujuan utama kajian penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui tentang latar belakang dan sejarah penglibatan seniman dalam bidang seni batik ini. Di samping itu, kajian penyelidikan ini juga adalah bertujuan untuk mengenal pasti keunikan dan keistimewaan seni batik serta mengkaji cabaran, sumbangan dan pencapaian yang diperoleh oleh seniman sepanjang penglibatan beliau dalam dunia seni batik ini. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka di tempat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Hasil daripada kajian ini, terdapat banyak maklumat yang dapat kami peroleh tentang kegiatan dunia seni batik ini.*

**Kata kunci:** *Seni batik; motif; keunikan; identiti; kraftangan*



## ABSTRACT

*Abstract: Batik is a superior field of handicrafts in Malaysia. Since the 15th century AD, humans have discovered the traditional method of making batik. Batik is generally known as the art of decorating fabric patterns with decorative motifs and special colour. Batik art varies according to the country and culture in a certain area. In Malaysia, Malaysian batik is known as a field of traditional handicrafts that is famous and loved by all walks of life. In fact, batik is a symbol of the identity of the Malay race that should be proud of and celebrated throughout the ages. Because of that, there are many figures involved in the world of batik art, however, in this case the researcher has interviewed an artist named Syed Mahmud bin Syed Ibrahim or more affectionately known as Pak Syed. The main purpose of this research is to find out about the background and history of artists' involvement in the field of batik art. In addition, this research study also aims to identify the uniqueness and special features of batik art as well as examine the challenges, contributions and achievements obtained by the artist throughout his involvement in the world of batik art. This study uses a face-to-face interview method at a place that has been agreed upon by both parties. As a result of this study, there is a lot of information that we can get about the activities of the batik art world.*

*Keywords: Batik art; motive; uniqueness; identity; handicraft*

# **BIODATA PENEMUBUAL**

# BIODATA PENEMUBUAL 1



<b>NAMA</b>	NURAINA FIRZANI BINTI MOHD AZAHANI
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	KUALA LUMPUR
<b>ALAMAT</b>	PERLIS
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMAIL</b>	
<b>PROGRAM</b>	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT, KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA


## BIODATA PENEMUBUAL 2



<b>NAMA</b>	NURUL HAFEEZA BINTI GHAZALI
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>TEMPAT LAHIR</b>	
<b>ALAMAT</b>	KEDAH
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>EMAIL</b>	
<b>PROGRAM</b>	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT, KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>NAMA TOKOH</b>	SYED MAHMUD BIN SYED IBRAHIM
<b>NAMA SAMARAN</b>	PAK SYED
<b>UMUR</b>	
<b>TAHUN LAHIR</b>	
<b>ASAL</b>	KEDAH
<b>ALAMAT</b>	
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>PROFESION</b>	USAHAWAN DAN PENERUS BATIK KEDAH
<b>BIDANG</b>	SENI BATIK

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim merupakan anak jati di negeri Kedah yang dilahirkan di Pendang, Kedah dan kini menetap di Jitra. Beliau merupakan seorang yang gigih dan sentiasa bersemangat dalam menghasilkan setiap kraf batiknya. Beliau menerima pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Pendang dan pendidikan menengah pula beliau telah mengambil jurusan kejuruteraan di Kolej Vokasional yang dikenali sebagai EIT (Engineering Institute Technology). Setelah tamat persekolahan, beliau mengambil keputusan untuk bekerja di sebuah syarikat di Kuala Lumpur dalam bidang kejuruteraan bangunan dan kemudian setelah beberapa tahun bekerja, beliau memikul jawatan tinggi sebagai pengarah urusan syarikat tersebut. Beliau telah menetap di Kuala Lumpur lebih 40 tahun dan kemudian berpindah semula ke negeri asal beliau iaitu Kedah. Setelah itu, barulah beliau menceburkan diri dalam seni batik. Encik Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim juga telah mendirikan rumah tangga bersama isterinya iaitu Shamsun Binti Abdul Majid serta dikurniakan empat orang anak. Beliau telah berjaya mendirikan sebuah syarikat perniagaan kecil yang dikenali sebagai 3S Batik Village. Syarikat tersebut menyediakan perkhidmatan menghasilkan batik dan juga membantu masyarakat yang ingin mempelajari batik.

Antara sebab Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim berkecimpung dalam bidang seni batik ini adalah kerana beliau amat berminat dengan ilmu batik dan beliau juga telah berjaya memenangi beberapa pertandingan kraftangan di Malaysia. Dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman tentang perniagaan yang beliau peroleh semasa bekerja di Kuala Lumpur, beliau bersemangat dan yakin untuk memajukan perniagaan batik disamping dapat memartabatkan budaya seni batik.

Antara sumbangan beliau adalah dengan menubuhkan sebuah persatuan untuk peniaga-peniaga kraftangan di Kedah bagi membantu untuk mempromosikan hasil kraftangan mereka. Selain itu, beliau membuka peluang kepada orang ramai untuk datang ke bengkel dan mempelajari cara pembuatan batik dengan harga yang berpatutan. Beliau juga telah banyak membantu pelajar-pelajar di universiti terutamanya dalam berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman beliau sebagai seorang usahawan batik di Malaysia.



# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Temubual ini dijalankan untuk memenuhi tugas khusus bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama seniman yang dipilih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni batik. Bersama-sama kami ialah Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 Mei 2023 pada jam 10.24 pagi bertempat di kediaman beliau di Jitra, Kedah. Temubual ini dikendalikan oleh Nuraina Firzani binti Mohd Azahani dan Nurul Hafeeza binti Ghazali.

Petunjuk:

SM: Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim (Pak Syed)

NFMA: Nuraina Firzani Binti Mohd Azahani

NHG: Nurul Hafeeza Binti Ghazali

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG PERIBADI SENIMAN**

**NFMA : Assalamualaikum encik. Mengenai latar belakang encik, soalan pertama, bolehkah saya tahu nama penuh encik?**

**SM : Nama saya ialah Syed Mahmud bin Syed Ibrahim.**

**NFMA : Di manakah encik dilahirkan?**

**SM : Saya lahir di Pendang, Kedah. (bunyi kenderaan).**

**NFMA** : Berapakah umur encik?

**SM** : 71[tahun].

**NFMA** : Bolehkah encik beritahu alamat rumah (bunyi kenderaan) yang menetap sekarang?

**SM** : [alamat rumah].

**Adakah encik sudah berkahwin?**

**NFMA** : Sudah, cucu pun dah ada.

**SM** :

**Apakah nama isteri encik?**

**NFMA** : Shamshun

**SM** :

**Berapakah orang anak encik? (bunyi kenderaan)**

**NFMA** : Empat orang.

**SM** :

**Boleh saya tahu nama penuh ibu bapa encik? (bunyi kenderaan)**

**NFMA** : Nama bapa adalah Beliau adalah wakil rakyat yang pertama

**SM** : semasa zaman Tunku dan ibu nama juga. Tapi bapa yang berlainan *lah*.  
Kebetulan.

**NFMA : Berapakah bilangan adik beradik encik?**

**SM : 12 *orang* [orang].**

**NFMA : Encik anak ke berapa?**

**SM : Yang ke-lima.**

**NFMA : Jika kelapangan, apakah aktiviti yang encik lakukan?**

**SM : Saya ni lebih suka kepada sukan *lah*.**

**NFMA : Adakah encik gemar melayari laman-laman sosial media yang sedia ada sekarang seperti Facebook, Instagram dan Twitter?**

**SM : Minat. (angguk)**

**NFMA : Bolehkah encik kongsi kan apakah nama sosial media encik?**

**SM : Sosial media *tu* [itu] maksudnya Facebook *ka* [kah]?**

**NFMA : Nama akaun.**

**SM : Nama akaun?**

NFMA : Ya. (angguk)

SM : '3S Batik Village'.

NHG : Untuk semua sosial media?

SM : Semua sosial media (angguk) dan pakcik punya e-mel kita pakai tigasaujana@gmail.com [email] jadi yang *personal* [peribadi] *ka* [ke] yang *company* [syarikat] semua *duk* [duduk] dalam *tu* [itu].

NFMA : Oh, '3S Batik Village'?

SM : (angguk) *Ha'ah* [betul], 3S Batik Village.

#### TAMAT BAHAGIAN 1

#### BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN SENIMAN

NHG : Baiklah, seterusnya mengenai latar belakang pendidikan encik, bolehkah encik menceritakan sejarah pendidikan awal seperti sekolah rendah sebilanglah tahap yang tertinggi?

SM : Saya ni [ini] bukannya dalam bidang seni. Saya ni *belajaq* [belajar] di Sekolah Kebangsaan Pendang, *mai* [datang] sekolah menengah dan kemudian pergi ke Sekolah Vokasional. Bidang saya *engineering* [kejuruteraan]. Jadi (bunyi kereta) pengalaman pengajian batik ni [ini] (bunyi kereta) selepas umur 60 baru kita *belajaq* [belajar]. Maknanya *before that* [sebelum itu], saya adalah dalam bidang *engineering*.

NHG : (bunyi kenderaan) Kiranya dari pendidikan *awai* [awal] tu [itu] daripada sekolah rendah ke apa semua ke arah *engineering* [kejuruteraan]?

SM : Ke arah *engineering*, ya.

NHG : Apakah mata pelajaran yang menjadi kegemaran semasa persekolahan dulu?

SM : Memang minat dalam bahagian *engineering* [kejuruteraan] *lah*.

NHG : *Engineering* [kejuruteraan] apa tu (itu) encik?

SM : Kita amik [ambil] *civil* [awam].

NHG : Siapakah guru yang paling diingati semasa persekolahan? (bunyi kenderaan)

SM : Guru yang diingati Cikgu Sharif *lah*. Cikgu Sharif ni [ini] adalah guru Bahasa Malaysia di mana dia pun tahu kita walaupun adik-beradik ramai, anak wakil rakyat tapi orang susah. Dia biasa datang ke rumah *lah*. Sampai satu masa, pak cik pun tak [tidak] dapat nak [hendak] bayar yuran sekolah dia pun datang ke rumah. Yang paling pakcik ingat *lah*, Cikgu Sharif. Dah [sudah] meninggal dah pun *lah*.

NHG : Kalau belajar di universiti, siapakah pengajar yang paling diingati?

SM : Pak cik tak [tidak] sampai di universiti.

NHG : Kiranya (bunyi kenderaan) pendidikan *awai* [awal] tu [itu] daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah?

SM : Sekolah menengah kemudian ambil kolej swasta *lah*. Kolej swasta bahagian *engineering* [kejuruteraan]. *Engineering Institute Technology* (EIT).

NHG : Apakah persatuan kelab yang pernah encik sertai semasa zaman persekolahan?

SM : Kelab ni [ini] tak [tidak] ingat dah [sudah], dah [sudah] tua-tua ni [ini]. Selalunya dalam bahasa *lah*, dalam Bahasa Malaysia.

NHG : Kenangan yang encik tidak dapat lupakan semasa zaman belajar?

SM : Zaman *belajaq* (belajar)? Kena buang asrama (sambil tersenyum dan ketawa). Terus terang.

NHG : Apakah pencapaian terbaik yang encik pernah perolehi sepanjang belajar?

SM : (bunyi kenderaan) -

NHG : Sepanjang pengajian encik daripada, tak [tidak] kisah *lah* pendidikan *awai* [awal] *ka* [ke]?

SM : Maksudnya macam mana tu [itu]? Tak [tidak] faham.

NHG : Maksudnya pencapaian tertinggi. Contoh macam pernah dapat nombor satu dalam kelas.

SM : Tak [tidak] ada.

NHG : Pencapaian yang paling ingat *lah*.

SM : Takda [tidak ada] (sambil menggeleng). Sederhana *ja* [sahaja]. Terbaik tu [itu], cuma (bunyi kenderaan) jadi *Headboy* [ketua pengawas] *lah*. Itu yang pengalaman terbaik *lah*. *Headboy* [ketua pengawas].

NHG : Apakah cita-cita encik sekiranya tidak terlibat dalam bidang seni batik?

SM : Cita-cita telah pun tercapai iaitu untuk menjadi seorang usahawan. Jadi sebelum *involve* [terlibat] dalam batik ni [ini], pak cik adalah seorang kontraktor *lah*. Kontraktor CNS [*Converged Network System*] iaitu *civil engineering* [kejuruteraan awam] *lah*, dan lesen pun lesen tertinggi yang *lah*, C7. InShaaAllah cita-cita tu [itu] tercapai.

NHG : Adakah encik pernah mengikuti kursus-kursus profesional yang berkaitan dengan bidang seni batik?

SM : Oh, ada. Apabila saya *involve* [terlibat] dalam bidang batik ni [ini], saya ucap terima kasih (bunyi kenderaan) banyak *lah* kepada kraftangan kerana *actually* [sebenarnya] batik ni [ini] adalah minat. Minat daripada muda tapi tak [tidak] *belajaq* [belajar] sebab saya sendiri adalah seorang usahawan. Usahawan ni [ini] (bunyi kenderaan) maknanya dia apa saja yang dapat *income* [pendapatan] dia akan *explore* [meneroka] untuk buat perniagaan.



So [jadi] satu masa tu [itu] memang saya nak [hendak] *specify* [khususkan] dalam bidang batik walaupun tak [tidak] pandai dalam bidang batik. Kita, orang meniaga ni [ini] kita boleh *employ* [menggaji], kita boleh *employ* pelajar-pelajar yang mana belajar dalam bidang batik untuk nak [hendak] buat. Masa tu [itu] umur dalam 40-an [1940] lagu tu [itu] *lah*. Tapi orang rumah [isteri] kata, “Tak payah la.” *Construction* [pembinaan] ni [ini] pun terlalu banyak sangat kan nak [hendak] tengok. So [jadi] apabila saya berhenti (bunyi kenderaan) daripada *construction* [pembinaan] ni [ini], maknanya *it's a good business* [bisnes yang baik], *takda* [tidak ada] masalah apa-apa. Cuma *construction* [pembinaan] ni [ini] adalah *you* [awak] kena (bunyi kenderaan) cari kerja orang. Tapi batik ni [ini], *you do yourself* [awak buat sendiri]. Makna, *you have your own business* [awak ada bisnes sendiri], ada produk sendiri. Jadi situ, mula batik dalam umur 61 tahun *and then* [dan kemudian] daripada situ macam mana saya boleh mula-mula nak [hendak] buat batik ni [ini] adalah kenalan daripada *student* [pelajar] daripada UiTM [Universiti Teknologi MARA] Merbok. So [jadi] peringkat awal tu [itu] saya buat kolaborasi dengan UiTM Merbok (bunyi kenderaan) untuk membuat *production* [pengeluaran] batik Merbok. Tetapi, ada masalah-masalah sedikit, saya pun berhenti kat [dekat] situ dan saya *start* [mula] belajar batik ni [ini] dengan kraftangan *lah*. *Start* [mula] dari bawah sehingga *reti* [pandai] membuat batik *lah*, *reti* [pandai] mengenal batik *lah*, begitu.

NHG : Dari kraftangan cawangan Kedah?

SM : Cawangan Kedah. (mengiyakan)

NHG : Maknanya, di situlah permulaannya?

SM : Ya, permulaan dia (mengangguk).

NHG : Pada usia 40-an?

SM : Umur 61 [tahun].

NHG : Sepanjang belajar tu [itu] , apakah kenangan manis masa mula-mula belajar untuk buat batik? (bunyi kenderaan)

SM : Ya kenangan manis tu [itu] maklum saja [sahaja] *lah* sebab saya tidak ada, tak [tidak] pandai langsung dalam bidang batik ni [ini]. Cuma sebelum pergi kursus tu [itu] *at least refer* [sekurang-kurangnya rujuk] balik sedikit sebanyak buku, sedikit sebanyak *and then* [dan kemudian] kita sebagai orang tua di situ paling banyak *so* [jadi] maknanya kenangan manis tu [itu] banyak *lah* budak-budak yang bantu pak cik untuk mengendalikan ataupun untuk menyertai kursus batik ni [ini] *lah*.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG KERJAYA AWAL SENIMAN

NFMA : Seperti yang sedia maklum, encik memang berkecimpung dalam seni batik. Namun begitu, selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama encik?

SM : Sebab saya belajar dalam bidang *engineering* [kejuruteraan], selepas saya habis belajar saya menjadi *clerk of work* [pekerjaan kerani] *lah*.

NFMA : (angguk) *Clerk of work* [pekerjaan kerani].

SM : Maknanya orang panggil apa? Macam *technician* [juruteknik] *lah*.

NFMA : Oh. (angguk)

SM : *Technician* [juruteknik] untuk jaga bangunan *lah*.

NFMA : Di manakah pekerjaan pertama encik?

SM : Pekerjaan pertama *ni* [ini] dengan satu syarikat di Kuala Lumpur.

NFMA : Encik minta pekerjaan *tu* [itu] ataupun ditawarkan?

SM : Kita minta.

NFMA : Encik memang tinggal dekat Kuala Lumpur *tu* [itu] lama juga *lah* sebab kerja?

SM : Oh, *inggal* [tinggal] di Kuala Lumpur 40 lebih tahun.

NHG : *Astu* [selepas itu] pulang ke Kedah?

SM : Pulang *kat* [dekat] Kedah *ni* [ini] baru *lah*. - Bila buat batik pulang kat Kedah *ni* -- sebelum *ni* *company* [syarikat] saya memang kat Kuala Lumpur *lah*.

NFMA : Tapi encik *asui* [asal] Kedah?

SM : (angguk) *Asai* [asal] Kedah.

NFMA : Berapa lamakah encik bekerja di situ? memang 40 [tahun] *ka* [kah]?

SM : Saya meniaga.

NFMA : Meniaga?

SM : Saya bekerja dengan satu *company* [syarikat] *ni* [ini] saya bekerja *tak* [tidak] lama. Umur 36 saya berhenti. Saya bekerja dengan satu *company* [syarikat] *australian* [orang Australia] - diorang [mereka] *ni* bidang *consultant* [perunding] yang mereka bina bentuk *highway* [lebuhraya], bangunan dan sebagaimana. Umur 36 tahun, *lepas* [selepas] saya berhenti dengan --, saya bekerja dengan satu *company* Melayu dalam *construction* [pembinaan] dan daripada situ *lah company ni* telah mengambil saya sebagai *shareholder* [pemegang saham] untuk mengepalai, menerajui *company* itu. *Company ni* adalah *G7* [syarikat kumpulan tujuh] *lah - company ni* agak besar *lah*.

NFMA : Apakah sumbangan encik sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut? Sumbangan semasa *geja* [kerja] *tu* [itu]?

SM : Semasa buat kerja sendiri *ka* [kah]?

NFMA : Semasa kerja KL [Kuala Lumpur] *tu* [itu].

SM : Kerja di KL [Kuala Lumpur] *tu* [itu]?

NFMA : Ya.

SM : (bunyi kenderaan) *Time* [masa] *tu* [itu] *lah* -- sambung 36 tahun *tu je* [itu sahaja]. *Lepastu* [selepas itu] saya berhenti. Kebanyakannya saya buat meniaga sendiri *lah*. Meniaga sendiri lebih daripada 20 lebih tahun. Jadi macam mana soalnya tadi?

NFMA : **Macam sumbangan apa dekat *qeja* [kerja] *tu* [itu]?**

SM : Saya sebagai *Managing Director* [Pengarah Urusan] dalam *company* [syarikat] *tu*.

NFMA : *Managing Director* [Pengarah Urusan] (angguk).

SM : (angguk) *Managing Director* - jadi *qeja* [kerja] *tu* [itu] memang berat *lah*. Memastikan bahawa *company* [syarikat] itu dapat berjalan dengan lancar, masih ada kerja, pastikan dapat buat *claim* [tuntutan], pastikan bayar gaji pekerja, *so there are lot of things* [jadi terdapat banyak perkara] - *and then* [dan selepas itu] -- *construction* [pembinaan] adalah satu bidang yang agak rumit (bunyi kenderaan) bukannya bidang batik, bidang batik *you* [awak] beli kain *you* beli *colour* [warna] *you* buat *saja* [sahaja]. Kalau kata bahagian *construction ni* [ini] kalau *you* buat satu bangunan banyak benda yang nak tengok - *kan?* Daripada bawah sampai ke atas. Simen, -- *a lot of things* [banyak perkara]. Bukannya sendiri *lah I work on that time* [saya kerja pada waktu itu]. *Engineer* [jurutera] pun empat orang. QS [Quantity Survey] pun ada dua, tiga orang. Pekerja pun dekat tiga ke 40 orang. *So, I*

*am the one who - head of the company to guide the company* [jadi, saya adalah orang yang mengetuai syarikat itu untuk beri panduan pada syarikat itu].

**NFMA** : Baik encik. Adakah masa dekat Kuala Lumpur *tu* [itu] encik ada menjalankan pekerjaan sampingan yang lain?

**SM** : Oh, *takde* [tidak ada]. Saya cuma buat *business construction* [bisnes pembinaan] *aje* [sahaja].

**NFMA** : Itu sahaja?

**SM** : (angguk).

**NFMA** : Yang *Director Manager* [Pengarah Urusan] *tu* [itu] *lah*?

**SM** : *Managing Director* [Pengarah Urusan].

**NFMA** : *Managing Director* [Pengarah Urusan]?

**SM** : (mengiyakan).

**NFMA** : Seterusnya, adakah encik berhenti sendiri daripada pekerjaan tersebut untuk menceburi bidang seni batik ini?

**SM** : Berhenti sendiri. Bukan berhenti *lah* -- dia *ni* [ini] maknanya, kita tutup syarikat - sebab syarikat ialah sendiri, jadi tidak ada masalah (bunyi

kenderaan). *Company* [syarikat] tidak ada masalah *because* [sebab] yang *tu* [itu] *own* [kepunyaan] sendiri. Jadi - cik pun sendiri kena paham bahawa, bidang *construction* [pembinaa] ni makna *you work to tender for the job* [awak kerja untuk tawarkan pekerjaan itu]. *You got the job* [awak dapat kerja itu] baru *you* [awak] boleh buat kerja, ambil upah, bayar gaji orang. *So different from* [jadi berbeza daripada] buat batik kan? *For me* [bagi saya], dah *umog* [umur] 56, 57 [tahun] gitu [begitu] - *so, I totally stop* [jadi saya sepenuhnya berhenti]. *To stop* [untuk berhenti] ni [ini] maknanya, *because too old to me* [sebab terlalu tua untuk saya] *to involve* [untuk terlibat] dalam bidang *construction* [pembinaan] ni ya. *To back for the job, a lot of things. But construction is a good business* [untuk kembali pada pekerjaan itu, banyak benda. Tapi pembinaan adalah satu bisnes bagus].

**NFMA** : Jadi memang encik Syed lah *decide* [ambil keputusann] untuk berhenti *sendiqi* [sendiri]?

**SM** : (mengiyakan).

**NFMA** : Boleh saya tahu apa pekerjaan encik Syed sekarang?

**SM** : Sekarang ni [ini], saya sebagai usahawan.

**NFMA** : Oh, usahawan (angguk).

**SM** : *I am* [saya seorang] usahawan. *Because not only I am doing batik* [sebab bukan sahaja saya buat batik], *I got homestay* [saya mempunyai inap desa]. *Before that I form a company* [sebelum itu, saya tubuhkan sebuah syarikat]. *Before* [sebelum] PKP [Perintah Kawalan Pergerakan], *I apply for the tourism* [saya memohon untuk pelancongan tersebut]. *I got the*

*license under '3S Holiday'* [saya dapat lesen dibawah 'Percutian 3S']. Tapi sebab PKP, dapat lesen --- . Dia orang meniaga *ni* [ini] lain, dia *different* [berbeza] daripada orang buat batik. Meniaga *ni* - *you must* [awak mesti] --

NFMA : **Macam-macam lah?**

SM : (angguk) *Macam-macam lah. So, because of PKP, the business cannot go, I close the company again* [jadi, disebabkan PKP, bisnes tidak boleh pergi jauh, saya tutup semula syarikat].

NFMA : **Company tourism [syarikat pelancongan]?**

SM : '3S Tourism'. Tapi masih ada lagi *signboard* [papan tanda] dia *tu* [itu].

NFMA : **Oh, '3S Holiday'?**

SM : (angguk) Baru tutup *ja* [sahaja] dalam masa sebulan dua bulan *ni* [ini]. *Because I got to pay a lot of people* [sebab saya kena bayar ramai orang]. *I got to pay a lot of money* [saya kena bayar banyak duit]. *So, and then* [jadi selepas itu] *takde* [tidak ada] *orang* [orang] yang *nak* [hendak] ---. *So, I better close* [jadi, lebih baik saya tutup] *lah*. Meniaga *ni* bukan macam orang makan gaji. Meniaga *ni* adalah anugerah Allah Ta'ala [SWT] *je* [sahaja] yang bagi.

NFMA : **Kena banyak pikir untuk ---**

SM : (mengiyakan) Banyak [ketawa]. Allah Ta'ala [SWT] kena bagi *lah*. *Oqang*



[orang] lain *takleh* [tidak boleh] bagi

NFMA : Bagaimanakah encik menceburkan diri dalam kerjaya sekarang?

SM : Batik *ni* [ini] adalah minat *lah* - seperti bagaimana saya ceritakan tadi dalam umur 40-an *tu* [itu] memang dah dengan batik, dari zaman muda dulu pun suka pakai batik. *So* [jadi] ingat cuba untuk *nak* [hendak] mempertahankan budaya kita *ni*. Batik *ni* adalah satu produk yang telah pun digazetkan oleh kerajaan (bunyi kenderaan) sebagai satu bidang yang terjaga *lah*. Daripada situ dah --- minat tu sama. Itu yang saya cuba ceburi dalam bidang batik *ni*. Sebab minat *lah*. Minat (angguk).

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN SENIMAN SEBAGAI SEORANG PELUKIS BATIK

NHG : (bunyi kenderaan) Sebagai seorang pelukis batik, sejak bila encik macam *discover* [menemui] yang encik meminati batik dan di mana pendedahan itu berlaku? Macam ada tengok corak ke *design* [reka bentuk]?

SM : Dia *ni* [ini], (berfikir) - (bunyi kenderaan) banyak, kalau kita tengok dalam bidang tekstil dia banyak buat *RnD* [*Research and Development*] *lah*. (bunyi kenderaan) Buat *research* [penyelidikan] *kan*, jadi *research* *ni* [ini] kadang-kadang kalau *you* [awak] ada pengalaman tu [itu] tak [tidak] perlu *you* [awak] (bunyi kenderaan) pergi sana, pergi sini, *kan*? Kadang-kadang tu dalam bidang batik *ni* (bunyi kenderaan), bagi pihak saya *ni*, saya sendiri ada identiti-identiti motif tersendiri. Di mana motif-motif, (bunyi kenderaan) kebanyakan yang batik orang *duk* [selalu] buat *ni* flora, fauna dan sebagaimana bunga-bunga dan bagaimana *kan*? Okay, batik yang ada di

3S di Batik Village ni kita tekankan kepada motif-motif Islamik motif. Jadi macam mana kita buat *research*? Benda tu pun tak susah pun. Kadang-kadang tu kita buka kitab, (bunyi kenderaan) *and then we go for tour* [dan kemudian kami pergi untuk lawatan], kita pergi ke tempat-tempat Islamik (bunyi kenderaan) di mana kita jumpa motif-motif yang cantik-cantik, kita ambil gambar, balik *mai* [datang] kita (bunyi kenderaan) letakkan motif-motif tu di atas kain untuk jadikan baju. Jadi, maknanya motif yang saya yang ada ni adalah motif-motif Islamik dengan motif-motif yang dari Kedah *lah*. Sebab Kedah ni pun cuba *diorang* [mereka], nak [hendak] *identify* [mengenalpasti] *jugak* [juga] berapa bunga yang ada di Kedah ni [ini] iaitu Kedah Gardenia, bunga bongor (bunyi kenderaan). Itu semua bunga-bunga yang ada di Kedah.

**NFMA** : Tadi encik ada *mention* [menyebut] macam ada buat *research* [penyelidikan] tu [itu] dekat macam ada tempat-tempat juga, tempat-tempat Islamik ya?

**SM** : Ya.

**NFMA** : ~~Contoh-contoh~~ tempat Islamik tu [itu] apa?

**SM** : Tempat Islamik? Jadi macam ni [ini], kadang-kadang ni, di dalam Malaysia yang saya buat *research* [penyelidikan] tu, saya buka kitab. Kebetulan pula kitab tu [itu] pun saya buka-buka dan apa yang ditulis dalam kitab tu, (bunyi kenderaan) motif-motif itu pun digunakan di lapangan terbang antarabangsa. Kalau kita boleh tengok di siling-siling, (bunyi kenderaan) ada juga motif-motif Islamik yang ada di lapangan terbang antarabangsa dan saya pun ambil kesempatan tu juga masuk ke dalam motif baju. Kemudian kalau saya ada pergi ke beberapa buah negara, macam negara-negara Islam, Pakistan,

Khazastan, itu *diorang* [mereka] banyak motif-motif *diorang*. Macam Pakistan tu ada juga, tapi tak [tidak] *lah* berapa banyak sangat. *So* [jadi], kebanyakan dari negara-negara yang macam ni [ini]. *So*, pergi ke sana ambil sedikit gambar. Kalau bukan Islamik pun, (bunyi kenderaan) kalau lebih kurang enam, tujuh, lapan tahun lepas, saya pergi ke Korea saya tengok corak Korea pun cantik. Saya ada juga motif-motif yang mana, agak-agak nampak Islamik *lah*. *So* kita ambil, kita jadikan kita punya produk.

**NHG** : Boleh encik ceritakan bagaimana bermulanya karier encik sebagai pelukis batik? Macam encik cakap tadi, (bunyi kenderaan) di usia 40-an?

**SM** : 60 (tahun). 40-an minat saja baru. *I* [saya] menceburi umur 60 [tahun]. 60, 61 [tahun] *lagu* [macam] tu [itu] *lah*.

**NHG** : Bermula daripada minat, encik ambil keputusan untuk terus jadi pelukis batik?

**SM** : Dia macam *ngan* [dengan] orang kata, bukan kata pelukis *lah*. Maksudnya, kita panggil apa? Macam kata, dia ni [ini] pelukis satu hal (bunyi kenderaan). Batik ni sebenarnya banyak, bukan pelukis saja. Jadi ni kalau kita nak [hendak] betulkan bahasa tu [itu] kita kata batik sahaja. Batik ni adalah sama ada batik lukis, (bunyi kenderaan) batik blok, batik pelangi. *There are a lot of batik* [terdapat banyak batik]. Di sini ni kita memang kita ada batik terap iaitu batik blok, (bunyi kenderaan) batik lukis tu kita kena canting-canting *and then* [dan kemudian] batik pelangi tu ataupun batik *Shibori Tips* tu. (bunyi kenderaan) Itu baru saja meninggal, arwah Fatimah Chik iaitu pensyarah UiTM [Universiti Teknologi MARA] sendiri, yang orang yang membuat *Shibori Tips* iaitu jenis Jepun *lah*. *So* [jadi] kita ambil

kita kapit [tekan]. *There are a lot of batik actually* [ada banyak batik sebenarnya].

**NFMA** : Tu [itu] jenis batik Jepun *ka* [ke] ?

**SM** : Ya. Batik Jepun pun ada. *So* [jadi], (bunyi kenderaan) dia [merujuk kepada arwah Fatimah Chik] yang mulakan produk tu [itu]. Kalau nak [hendak] katakan pelukis batik ni [ini], *you as* [awak sebagai] pelukis saja. Tapi batik ni banyak bidang rupanya. Kalau nama yang lebih baik tu macam kata, pembuat batik. Kalau pelukis tu dia *just raw* [mentah sahaja]. Pembuat batik.

**NHG** : Siapakah yang paling banyak menyokong perjalanan karier encik dalam bidang batik? Antara keluarga atau rakan? (bunyi kenderaan)

**SM** : Sendiri *lah*. *Because I'm a businessman* [kerana saya seorang ahli perniagaan]. *So* [jadi] kita nampak benda ni [ini] boleh hala tujunya, boleh pergi ke depan, *so you have to do it* [jadi awak perlu melakukannya] *lah*. *Then, actually* [kemudian sebenarnya] satu lagi ni, (bunyi kenderaan) dia bukan kata setakat minat dan buat batik sahaja. Dalam bidang perniagaan ni, *I am talking on* [saya sedang bercakap tentang] usahawan ni, batik ni satu hal (bunyi kenderaan). Memang satu produk yang unik, tapi mesti ingat juga kalau *you* [awak] buat batik pun benda tu [itu] bertimbun-timbun *and then you cannot sell the things, how to get your income?* [dan kemudian anda tidak boleh menjual barang-barang itu, bagaimana untuk mendapatkan pendapatan awak?] Ini yang terjadi *kan* di Kedah kita? *Because there are no place to sell* [sebab tidak ada tempat untuk dijual], (bunyi kenderaan) *no place to promote your product* [tidak ada tempat untuk promosikan produk awak]. *So*, masalah. Cerita ni, cerita lain. Jadi maknanya, *for me* [bagi saya] bukan kata setakat kita nak [hendak] buat batik saja [sahaja] *and then* [dan

kemudian] tempat-tempat yang kita nak promosi batik pun kita kena cari.

**NHG** : Apakah jenis batik yang pertama sekali encik hasilkan? Macam tadi *kan* banyak batik ?

**SM** : *Okay* [baiklah], batik yang mula kita *belajaq* [belajar] ni [ini], (bunyi kenderaan) yang pak cik *belajaq* [belajar] *lah*. Pak cik tak *belajaq* canting iaitu lukis *kan*? Lukis ni boleh *lah*, kalau nak [hendak] buat ni dah [sudah] sakit pinggang. *So, I prefer on the block* [jadi saya lebih suka blok] atau batik terap *lah*. Ataupun satu lagi, *Shibori Tips*.

**NHG** : Lebih mudah *ka* [ke] ?

**SM** : Lebih mudah sikit *lah*. Jadi maknanya yang ni [ini] pun tak [tidak] mudah juga. *First thing you must got the knowledge* [perkara pertama anda mesti dapatkan ilmu] *lah kan?* (bunyi kenderaan) *Sometimes* [kadang-kadang] tu [itu] bila *students* [pelajar] ni bila *diorang* [mereka] datang tu [itu], *diorang* belajar batik saja. (bunyi kenderaan) *But they don't know where to place the batik* [tapi mereka tidak tahu di mana untuk letakkan batik] (bunyi kenderaan). Mesti tahu polar baju tu baru tahu di mana hendak letak batik. Selalunya pak cik bagi nasihat kat [dekat] (bunyi kenderaan) *diorang* begitu *kan*. *So* [jadi], yang mula belajar tu [itu] blok dengan jenis batik *Shibori lah*.

**NHG** : Dari manakah encik belajar untuk melukis batik? Macam tahu ilmu batik ni [ini].

**SM** : Ilmu batik ni [ini], dengan kraftangan *lah*.

NHG : Di Kedah?

SM : Di Kedah. (mengangguk)

NHG : Apakah jenis-jenis peralatan yang digunakan untuk menghasilkan seni batik?

SM : Nanti kita betulkan sikit [sedikit] nanti (bunyi kenderaan). Walaupun kita batik di Kedah, tapi selalunya anjuran dibuat oleh HQ [*Head Quarter*] lah. Nanti Kraftangan Malaysia kata tak [tidak] sebut nama *depa* [mereka] *pulak* [pula]. Yang besarnya, selalunya *diorang* [mereka] yang anjurkan. *And then* [dan kemudian] dia kata “Okay, tahun ni kita buat di Kedah, tapi Kedah yang uruskan.” *Sometimes they go to Melaka* [kadang-kadang mereka pergi ke Melaka], Melaka yang uruskan. Selalunya, kebanyakan HQ yang uruskan.

NFMA : Kira *depc* [mereka] *provide* [sediakan] lah macam ada kelas *ka* [ke]?

SM : *Kelas*, correct, correct, correct [betul, betul, betul] (mengiyakan). Macam mana tadi?

NHG : Maknanya peralatan-peralatan tu [itu] semua di *provide* [disediakan]? (bunyi kenderaan).

SM : Semasa kursus tu [itu] memang dia (merujuk kepada HQ) bagi lah. *When you start your own, then you have to buy your own* [apabila anda mula sendiri, maka anda perlu membeli sendiri] (bunyi kenderaan)

- NHG : Berapakah modal yang diperuntukkan untuk batik ni [ini] ?
- SM : Untuk apa tu [itu]?
- NFMA : Untuk encik nak [hendak] *start* [mula] batik ka [ke], macam nak *start* [mula] --
- NFMA, NHG : Encik *kan* seorang usahawan batik, modal yang diperuntukkan untuk macam *start* [mula] meniaga batik ni [ini] *ka* [ke]?
- SM : *Interesting* [menarik]. *This is depend* [ini bergantung]. *How big you want to go?* [seberapa besar anda mahu pergi].
- NHG : Kena ada *future plan* [perancangan masa hadapan]?
- SM : Seberapa besar anda mahu pergi? *For me, consider is big* [bagi saya, pertimbangkan adalah besar]. (bunyi kenderaan) *Because some people, they build the batik at the back of the house only. They put theirs at the back of the house and then* [kerana sesetengah orang, mereka membina batik di belakang rumah sahaja. Mereka meletakkan mereka di belakang rumah dan kemudian] *satu dua pengidang, and then* [dan kemudian] *diorang* [mereka] *start doing* [mula buat]. Tapi, bukan kata pak cik nak [hendak] cakap, *because I'm businessman* [sebab saya ini seorang usahawan], *businessman* [usahawan] ni [ini] sebab kita *start* [mula] daripada yang *besaq* [besar], (bunyi kenderaan). *So* [jadi] masa saya buat kolaborasi dengan UiTM [Universiti Teknologi MARA] tu [itu], *I put my* [saya buat saya punya] bengkel dalam *100 feet long* [100 kaki panjang], *know* [tahu]? *100 feet long* [10 kaki panjang], *but it's too big already* [tapi itu sudah terlalu besar sudah]. UiTM [Universiti Teknologi MARA] *said they want big* [kata mereka mahu besar], *they want big, they want big!* [mereka mahu besar!] I

*do big for them!* [saya buat besar untuk meraka]. *But at the end, nothing* [tapi hujung-hujung, tidak ada apa]. *You know* [awak tahu]? *So, for me* [pada saya], kalau kata yang secara rasionalnya kita katakan kalau kata ada dalam (bunyi kenderaan). RM20,000 pun boleh buat dah [sudah]. Macam *for me* [pada saya], *it's too big already* [ia sangat besar]. *Too big* [sangat besar]!

NFMA : Kiranya Encik Syed buat modal yang encik Syed masa awal-awal dulu tu [itu] RM20,000 *ka* [ke] ?

SM : *More!* [lebih].

NFMA : Yang tu *lah* [itulah] encik Syed kata banyak?

SM : *I* [saya] punya bengkel, boleh tengok bengkel sekejap lagi. (bunyi kenderaan) *120 feet long* [120 kaki panjang], hujung sampai ke sana. *The gallery* [galeri itu], *the one you park the car* [yang awak letak kereta], *in front that is the gallery* [di hadapan itu galeri]. *That is my show room for the batik* [itulah bilik pameran saya untuk batik]. *So* [jadi] tak [tidak] boleh *pikiaq* [fikir] sini *lah*. Kalau *pikiaq* di sini, orang lain tak boleh buat kerja. (bunyi kenderaan). *So for me* [jadi bagi saya] kalau kata orang nak [hendak] buat *kan* (bunyi kenderaan) RM20,000 *is good enough already* [sudah cukup baik] *lah*.

NHG : Adakah tu [itu] modal pak cik sendiri ataupun dapat peruntukkan?

SM : Sendiri, sendiri (mengangguk).



NHG : Macam batik ni [ini] seperti yang kita tahu, menggunakan banyak peralatan. Susah tak [tidak] untuk dapatkan peralatan tu [itu]? (bunyi kenderaan)

SM : Tak [tidak] susah.

NHG : Kaedah lukisan batik ini menggunakan kaedah tradisional atau moden? Macam untuk *design* [reka bentuk] batik tu [itu], *kan* sekarang ada banyak. Atas kertas ---

SM : *Because for me* [sebab bagi saya], *I'm during my time* [masa saya dulu], komputer pun *takdak* [tidak ada]. *So for me* [jadi bagi saya], *zero knowledge* [pengetahuan kosong] *lah* on IT [*Information Technology*] ni [ini] *kan*. *So* [jadi] (bunyi kenderaan) kebanyakan *I* [saya] buat *is all on* [semuanya atas] -- (bunyi kenderaan)

NFMA : *More to* [lebih kepada], macam idea encik *lah*?

SM : Orang panggil apa? Kalau dulu kita panggil *design* [reka bentuk] guna apa, AutoCAD [*Computer-Aided Design*] dan sebagainya. *Takda* [tidak ada], kita ni [ini] *just* [hanya] - (berfikir)

NHG : *Sketch on* [lakaran]?

SM : *Sketch* [lakaran] *lah*.

NFMA : Memang idea encik *lah* kiranya?

SM : Ya, *that's why* [sebab itu] *I do* [saya buat] RnD [Research and Development], *then* [kemudian] mana kata pergi dapat ni [ini] (merujuk kepada idea), *and then where to place the motif* [dan kemudian di mana untuk meletakkan motif] apa semua sendiri saja *lah*. *And then* [dan kemudian] *sometimes* [kadang-kadang] kalau kata dulu buat dengan UiTM [Universiti Teknologi MARA] senang. Kalau ada apa yang nak [ingin], *I* [saya] suruh *diorang* [mereka] design [reka bentuk] ja [sahaja]. Kita tunjuk dekat *client* [pelanggan], okay, kita *proceed* [teruskan]. Jadi saya buat sendiri sekarang, saya buat batik blok sahaja *lah*. Batik blok, canting *seldom* [jarang] *lah*.

NHG : Jadinya teknik pembuatan batik yang sering encik gunakan ialah blok *lah*?

SM : Blok and *Shibori lah*.

NFMA : Ke arah tradisional *lah*?

SM : Tradisional, tradisional. *Actually* [sebenarnya] batik canting pun *also* [juga] tradisional. *On the design* [atas reka bentuk] dia. Sekarang ni [ini] banyak *variety* [kepelbagaian] *kan?* *I think it's good* [saya rasa ia bagus], kalau *reti* [pandai] *kan?* *Because* [sebab] *I* [saya] tak [tidak] *reti* [pandai], *I* [saya] tahu buka komputer, buka e-mel tengok-tengok *gitu* [begitu] *ja* [sahaja].

- NHG** : Bagaimanakah encik mendapat ilham untuk menghasilkan sesuatu corak tu [itu] sendiri?
- SM** : Dia macam ni [ini] *lah*. Sebab kita tengok di Malaysia ni banyak tempat (bunyi kenderaan) yang buat batik *kan*? Kita cuba buat kelainan daripada orang. *So that* [supaya], kalau kata pak cik pergi ekspo, kalau bertembung Kelantan dan Terengganu, (bunyi kenderaan) *differently* [berbeza]. Saya benar-benar berbeza daripada orang lain. Sebab motifnya berbeza. Jadi mereka sudah kenal saya *lah*. Begitu *ja* [sahaja]. Jadi bagaimana, *so I need to do* [jadi saya perlu buat] *lah*, (bunyi kenderaan) maknanya *do research* [buat penyelidikan]. Bukan kata *research* [selidik] nak [hendak] kena baca buku, *you* [awak] pi [pergi] tengok *ja* [sahaja]. “Huish hampa dah buat dah! *No no no, I don't want to do that*, (bunyi kenderaan) *I want to do the oher things*” [Tidak, tidak, tidak, saya tidak mahu buat itu sudah, saya hendak buat benda lain]. Begitulah. *So* [jadi] di Kedah ni, Saya rasa saya satu-satunya yang melakukannya batik Islamik.
- NFMA** : Berapa lamakah proses setiap menghasilkan lukisan batik?
- SM** : Membuat batik *lah* kita kata *kan*?
- NHG** : Ya.
- SM** : Dia kita katakan kalau - (berfikir). Kita kalau guna batik, batik terap atau batik blok ni [ini], satu hari tu [itu] kita boleh buat dalam (bunyi kenderaan) *eight hours* [lapan jam] *lah*. Lebih kurang *eight hours* kita boleh buat dalam enam hingga ke lapan helai *lah* boleh buat baju. Kalau semeter tu [itu] kita kata dalam  $6 \times 2 = 12$ ,  $6 \times 5 = 30$ , dalam 20 meter satu hari boleh buat.

NFMA : Banyak.

SM : Banyak *lah* jugak [juga], banyak. *And it's depend* [dan ia bergantung], pengidang kena banyak jugak [juga] *lah*. Macam pak cik takpa [tidak apa] *lah* pengidang banyak *kan*? *Because why, not only with blok* [kerana mengapa, bukan sahaja dengan blok]. Kalau kata nak [hendak] tau [tahu] prosedur tu [itu], *after you blok* [selepas awak blok], *you put colour* [awak letak warna]. Nak *buh colour* tu [hendak letakkan warna itu], dia kena pengidang. Kalau kata *you got small at the backyard* [awak ada pengidang kecil di belakang rumah], ada satu dua, *you* [awak] kena *do more* [buat lebih]. Begitu.

NFMA : (bunyi kenderaan) Kalau macam untuk seorang, seorang menghasilkan berapa lama proses dia? Kalau macam *sorang* [seorang].

SM : *Sorang* [seorang]?

NFMA : Ya. Proses untuk nak [hendak] hasilkan batik. Katakanlah satu batik.

SM : Satu? Kita kata dalam 10 meter boleh *lah* *Sorang* [seorang] sepuluh meter boleh.

NFMA : Berapa lama tu [itu]?

SM : Satu hari, *one day* [satu hari]. *Eight hours* [lapan jam]. *Eight to ten hours* [lapan hinggan sepuluh jam] *lah*. (bunyi kenderaan) Kata satu hari *lah*, satu hari sepuluh meter boleh buat.

NHG : Pada kebiasaannya, berapa lama masa yang diambil oleh (bunyi kenderaan) pak cik untuk macam - *kan* sebelum buat batik kita kena *design* [reka bentuk] dulu *kan*?

SM : Ya.

NHG : Untuk *design* [reka bentuk] tu [itu], macam daripada idea hingga ke untuk *design* berapa lama? Mungkin proses tu [itu] macam tak [tidak] seperti yang dibayangkan. (bunyi kenderaan) Idea tu [itu] tak [tidak] macam yang pak cik bayangkan atau *expect* [jangkakan] *ka* [ke]?

SM : Dia kalau kata, (bunyi kenderaan) dalam blok ni [ini] tak [tidak] susah sangat. Kalau dulu *duk* [masa] buat canting tu [itu] *at least two - three days* [sekurang-kurangnya dua - tiga hari] *lah* untuk kita memikirkan *design* [reka bentuk] tu [itu].

NFMA : Kalau blok, tak [tidak] susah sangat?

SM : Tak [tidak] susah sangat. Sebab apa? Kita main *colour* [warna] *ja* [sahaja]. Kalau canting ni [ini] maknanya, *this one is canting* [yang ini canting] (sambil menunjukkan baju yang di pakai oleh beliau). Kalau kata canting ni [ini], *you* [awak] nak [hendak] kena fikir kan motif apa, apa yang nak [hendak] letak. *And then* [dan kemudian] dia *start draw* [mula melukis], lilin apa semua *kan*? *And then you start putting colour, like that* [dan kemudian anda mula meletakkan warna, seperti itu]. *So* [jadi] dia bila nak [hendak] buat *design* [reka bentuk] tu [itu], *and then* [dan kemudian] kalau canting ni [ini] dia takkan [tidak akan] canting penuh. Dia akan buat perletakkan tangan, badan, belakang dan sebagaimana. *So, sometimes to do the design* [kadang-kadang untuk membuat reka bentuk] pun dua, tiga hari *lah*. (bunyi

kenderaan). *And then* [dan kemudian] kalau nak [hendak] canting pun dia lambat *jugak* [juga]. *Because you* [sebab awak] nak [hendak] kena canting sikit-sikit *lagu* tu [macam itu]. Kalau blok, “Bbam!” *like that you can get one motif already* [macam itu awak sudah boleh dapat satu motif]. *But this one you have to* [tetapi yang ini awak perlu], (sambil menunjukkan baju yang di pakai oleh beliau) kata ni [ini] daun, *you* [awak] nak [hendak] kena canting daun ni [ini], semua ni [ini]. *So it takes times* [jadi ia mengambil masa] *lah*.

**NHG** : Blok tu [itu] macam *stamp* [cap] *lah*?

**SM** : Haa *stamp* [cap] *lah*. Terap tu *stamp* [cap] *lah*, kata *stamp* [cap] *lah*. *Satgi* [sekejap lagi] boleh tengok.

**NFMA** : Dalam dua, tiga hari tu [itu] dalam proses nak [hendak] menghasilkan?

**SM** : Ya, nak [hendak] menghasilkan, kalau kata *on the* [pada] canting ni [ini].

**NFMA** : Kalau kata mempelajari idea tu [itu]? Dalam berapa hari? Sehari dua *ka* [ke]?

**NHG** : Macam dapat ilham.

**SM** : (Bunyi kenderaan) Itulah, dua, tiga hari. Dua, tiga hari sampai siap *design* [reka bentuk] *lah*. *And then* [dan kemudian] baru *you start* [awak mula] canting.

NHG : Adakah encik mempunyai pembantu? (bunyi kenderaan)

SM : Ada.

NFMA, : Ada? Ramai?

NHG

SM : Dulu ramai *lah*, selepas PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Dulu *actually* [sebenarnya], dulu kita *employed the staff* [menggaji kakitangan] buat budak-budak buat. Budak-budak daripada IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] *lah*, budak IKN [Institut Kemahiran Negara] *lah*, (bunyi kenderaan) *and then* [dan kemudian] budak-budak daripada UiTM [Universiti Teknologi MARA] sendiri pun ada. (bunyi kenderaan) Budak UiTM kadang *diorang* [mereka] datang, *diorang* [mereka] buat. *So* [jadi], dulu ni [ini] ada *lah* lima, enam orang. Sekarang ni [ini] dua orang saja. Sebab apa? Lepas tengok *the market not so good* [pasaran tidak begitu baik] *lah*.

NFMA : Dalam umur berapa tu [itu] *depa* (mereka)?

SM : Macam mana?

NFMA : Dia [merujuk kepada pekerja] umur berapa?

NHG : *Range* [julat] umur untuk pekerja yang pak cik ada?

SM : *Diorang* [mereka] ni [ini] kebanyakan yang belajar batik *lah*. Selalunya *diorang* [mereka] *after form five* [selepas tingkatan lima], *diorang* [mereka] pergi masuk IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] . IKBN pun tiga tahun. *So* [jadi], dalam 21 [tahun].

NFMA : Muda lagi.

NHG : Pada pendapat pak cik, adakah penting untuk seseorang yang terlibat dengan seni batik ni [ini] ada ramai kenalan yang mengetahui tentang seni batik? Macam kita *kan* usahawan batik, perlulah kenal dengan lebih ramai, (bunyi kenderaan) yang sama bidang untuk bertukar idea.

SM : Itu penting, itu penting. Dia kita panggil apa? (bunyi kenderaan), *associate* [bersekutu] *lah* macam *diorang* [mereka] ni [ini]. Macam kata bidang yang sama, kita jangan kedekut, begitu. Jadi *sometimes*[kadang-kadang] kita tak [tidak] dapat nak [hendak] buat produk ni [ini], dia yang boleh buat, kita bagi ja [sahaja]. *So* [jadi] bagi pak cik ni [ini] untuk (bunyi kenderaan) jaringan. Jaringan dengan usahawan-usahawan batik ni [ini] perlu di buat.

NHG : Maknanya pak cik ada ramailah kenalan daripada setiap negeri?

SM : Ada.

NFMA : Selalu *ka* [ke] berkongsi?

SM : Lepas *umog* [umur] 67, 66 [tahun]. Dulu pak cik ni [ini], mula-mula buat batik ni [ini] memang pak cik keluar. Bila kraftangan dah [sudah] promosi, selalu keluar. *After that* [selepas itu], dalam tiga tahun sebelum PKF [Perintah Kawalan Pergerakan] tu [itu], pak cik pun *tak mau* [tidak mahu] lagi dah [sudah] keluar. Kawan tu [itu] masih ada lagi *lah* (bunyi kenderaan). Masih ada dalam *group-group* [kumpulan-kumpulan] batik, kita ada. Cuma sekarang ni [ini], yang pak cik cuma buat jualan ni [ini] di dalam Kedah ja [sahaja]. Kalau ada di luar negara tu [itu] mungkin boleh pergi *lah*. Tapi kalau nak [hendak] pergi KL [Kuala Lumpur], mana tu [itu] semua tak [tidak] larat *lah*, tu [itu] pun letih.



NHG : Kalau jualan tu [itu], macam letak produk (bunyi kenderaan) pak cik dekat [mana]?

SM : Macam kata, kalau kata kraftangan buat ni [ini] kita kena, *we have to go to the booth* [kita kena pergi ke gerai] yang *diorang* [mereka] buka tu [itu]. Macam selalunya *diorang* [mereka] buat di Perlis *lah*, di kraftangan Malaysia. Maknanya dia akan bagi *booth* [gerai] kat [dekat] kita, kita *duk* [duduk] situ *lah* dalam masa dua minggu, kita buat jualan. *The promotion all done by the Kraftangan Malaysia* [Promosi semua dilakukan oleh pihak Kraftangan Malaysia]. Begitu.

NHG : Bagaimanakah cara untuk meningkatkan mutu kualiti lukisan seni batik ni [ini]? Adakah daripada segi peralatan kena *high quality* [kualiti tinggi] ataupun cara kita sendiri yang buat?

NFMA : Pengetahuan seseorang tu [itu] *ka* [ke], macam mana?

SM : Dia ni [ini] kesabaran tu [itu] *lah*. (bunyi kenderaan) Kesabaran, ketekunan membuat produk tu [itu] sendiri. *And then* [dan kemudian] kalau kata buat cincai-cincai [lebih kurang] sangat pun *at the end you cannot get the good quality* [pada akhirnya anda tidak boleh mendapatkan kualiti yang baik].

NHG : Kena teliti? (bunyi kenderaan)

SM : Mana? (bertanya kerana kurang jelas)

NHG, : Kena teliti?

NFMA

SM : (bunyi kenderaan) Kena teliti, tak [tidak] boleh kata blok, *and then you put the colour like that only, no!* [dan kemudian anda meletakkan warna seperti itu sahaja, tidak!] (bunyi kenderaan) *Colour matching* [padanan warna] kena tahu. *And then* [dan kemudian] peletakkan motif-motif tu [itu] kena tahu kat [dekat] mana nak [hendak] letak dan sebagaimana *lah*. Benda tu [itu] kena teliti *lah*.

NHG : Pemilihan warna?

SM : Pemilihan warna, begitu [mengiyakan].

NFMA : Yang encik ada *mention* [sebut], (bunyi kenderaan) *sabay* [sabar] tu [itu] *kan*? Kena sabar macam mana?

SM : Macam mana?

NFMA : Sabar buat, kesabaran.

SM : Sabar kena buat *lah*. Betul *lah*. Dia kena sabar. Sebab apa, bila kita, kalau kata *you all* [awak semua] boleh tengok macam mana orang buat batik ni [ini], maknanya penat buat batik ni [ini]. Sebab apa? Sebab *you* [awak] nak [hendak] masak lilin dengan rosin pun asap begitu banyak. *And then you have to put the mask* [Dan kemudian anda perlu memakai topeng] dan sebagaimana dalam keadaan yang panas. Sejuk tak [tidak] boleh nak [hendak] buat pulak [pula], dia cepat keras sangat lilin tu [itu] *kan*. *So* [jadi], itu kata kesabaran tu [itu] tadi. (bunyi kenderaan) Buat pun berpeluh-peluh, setengah orang buat di bengkel baju pun tak [tidak] pakai. *Too hot* [terlalu

panas]. *Sweating* [berpeluh] *kan?* Habis tu [itu] saya tengok orang tak [tidak] pakai baju buat [batik]. Dulu ni [ini] masa pak cik, (bunyi kenderaan) belum buat batik lagi, duk [sedia] pi [pergi] beli batik jumpa *diorang* [mereka] duk [tengah] buat batik. Tak [tidak] pakai baju pun *diorang* [mereka] (ketawa). Sebab panas. Tu [itu] kata kesabaran. Selalunya kesabaran ni [ini] InShaaAllah *lah*, hasil tu [itu] ada *lah*. Hasil tu [itu] elok *lah*, InShaaAllah.

NHG : Pernahkah pak cik menghadapi kesukaran sepanjang menyiapkan sesuatu batik?

SM : Takda [tidak ada] *lah* susah sangat pun.

NHG : Sebab dah [sudah] ada *experience* [pengalaman]?

SM : Bukan. Dah [sudah] orang tua dah [sudah], *sabaq* (sabar) *lah* (ketawa).

NFMA : *Ka* [ke] masa *awai-awai* [awal-awal] dulu macam yang pak cik ingat. Macam “Ish susah nak [hendak] buat!” (Bunyi kenderaan) *Tang* [dekat] mana yang susah tu [itu]?

SM : (bunyi kenderaan) *That is not my style* [itu bukan gaya saya] *lah*. Bukan. Kita bila kita *involve* [terlibat] tu [itu] kita katakan, “*I can do it!, you can do it!*” [saya boleh melakukannya!, anda boleh melakukannya!]. (bunyi kenderaan) *When you say you can do it, I can do it, you can do it! You can do it, I can do it!* [Apabila anda berkata anda boleh melakukannya, saya boleh melakukannya, anda boleh melakukannya! Anda boleh melakukannya, saya boleh melakukannya!]. Dalam meniaga kena begitu. *Because for me* [sebab pada saya] bukan kata setakat batik apa pun, pak cik *duk* [tengah] buat meniaga pun banyak *kan*. (bunyi kenderaan) *So you cannot do this, you*

*do that. You cannot do that, you do that. You know?* [Jadi anda tidak boleh melakukan ini, anda melakukan itu. Awak tidak boleh buat itu, awak buat itu. Kamu tahu?]. (bunyi kenderaan) *So* [jadi] maknanya di situ tak [tidak] ada benda yang kata tak [tidak] boleh buat. Itu bagi nasihat ni [ini]. Semua kita boleh buat. Macam mana? Kena buat! (bunyi kenderaan) *There's no tomorrow* [tiada hari esok]. *You say today, you must do today!* [Anda berkata hari ini, anda mesti lakukan hari ini!]. Baru *you* [awak] boleh berjaya.

**NHG** : Kena ada *effort* [usaha] untuk berjaya?

**SM** : *Effort!* [usaha!]. Tak [tidak] boleh cakap macam orang Melayu bercakap. Minta maaf cakap, *maybe* [mungkin] *diorang* [mereka] kata “Ya, ya ,ya.” Tapi tak [tidak] buat-buat. Bila *you* [awak] nak [hendak] buat? Bila *you* [awak] nak [hendak] meniaga? *Know* [tahu]? *You* [awak] kena buai. InShaaAllah, Allah Ta’ala tolong. Buat! InShaaAllah.

**NFMA** : Walaupun sukar macam mana pun?

**SM** : Sukar macam mana pun. Kena buat!

**NFMA** : Usaha.

**NHG** : Adakah encik berpuas hati sepanjang penglibatan sebagai seorang pembuat batik/usahawan? (bunyi kenderaan)

**SM** : Seorang usahawan *lah*. Batik ni [ini] *takmau* [tidak mahu] *jugak* [juga]. Batik ni [ini] buat juga, usahawan *lah* (bunyi kenderaan). Kalau nak [hendak] cerita ni [ini], yang puas hati tu [itu] sebab saya sendiri bila balik *mai* [datang] di Kedah ni, dah [sudah] *involve* [terlibat] dalam batik ni [ini],

saya sendiri cuba nak *promote* [promosi] *kan* (bunyi kenderaan) kawan-kawan Kraftangan Kedah ni [ini] bukan dalam bidang batik saja, *more the craft work* [lebih banyak kerja kraf]. Sebagai usahawan Kedah ni [ini], nak [hendak] cuba bagi *diorang* [mereka] berjaya. Apa yang pak cik buat? (bunyi kenderaan) *I form the* [saya membentuk] persatuan. *I'm the Chairman of the* [saya adalah pengerusi] Persatuan Pengusaha Kraf Kedah. *So* [jadi] daripada situ apa yang kita pernah buat, (bunyi kenderaan) selalunya kita bercakap dengan kerajaan *ka* [ke], bercakap dengan Menteri Besar *ka* [ke], bercakap dengan Exco *ka* [ke]. Kalau kita tengok dalam media sekarang *kan*, semua *diorang* [mereka] kata *diorang* nak [mereka hendak] memartabatkan batik, nak [hendak] memartabatkan kraf. (bunyi kenderaan) Ya! *Who say Malaysia, our Malay cannot do?* [Siapa kata Malaysia, Melayu kita tidak boleh buat?] Orang Melayu semua boleh buat. *Diorang* [mereka] boleh buat. Kalau kata buat serkap ikan *kan*? *It's craft* [ia adalah kraf]. Buat bubu ikan, *it's craft* [ia adalah kraf]. Buat benda kecil-kecil tu [itu] *kan*, buat cenderamata-cenderamata, tong padi, tong pukul padi, (bunyi kenderaan), lesung hindik dan sebagainya. *That's a craft!* [Itu adalah kraf!]. *They can do but where to sell?* [mereka boleh lakukan tetapi di mana hendak menjual?] (bunyi kenderaan) Itu yang pak cik rasa puas hati sebab pak cik dapat *form the* [membentuk] persatuan. Dan pak cik pun *fight* [lawan], bukan *fight lah*. Maknanya (bunyi kenderaan) pergi jumpa bla bla bla [merujuk kepada orang-orang atasan atau yang terlibat dalam seni batik]. *Finally, we got place where to sell our products* [Akhirnya, kami mendapat tempat untuk menjual produk kami]. *So* [jadi] kita pun dah [sudah] masuk di Muzium Padi. (bunyi kenderaan) Di Muzium Padi tu [itu] kedai cenderamata di bawah tu [itu] diberikan kepada persatuan-persatuan Kraf Kedah. Tapi sekarang ni [ini] tutup lah. *Diorang* [mereka] ada *renovation* [pengubahsuaian], tutup terus. Di bawah tu [itu] InShaaAllah baru jumpa lagi, baru-baru ni [ini] masa jamuan hari raya, jumpa dengan pengarah. Dia kata "*Don't worry, don't worry* [jangan risau, jangan risau] Tuan Syed, Tuan Syed! *This for you, this for you!* [ini untuk awak, ini untuk awak]" dia kata. Jadi selalunya begitulah.

Jadi kalau pak cik pergi jumpa Exco *ka* [ke] macam mana. (bunyi kenderaan) *You* [awak] tengok dalam tv [televisyen], bercakap, bercakap but [tapi] *depa* tak [mereka tidak] jaga *diorang* ni [mereka ini] pun. Orang kampung buat, ni [ini] cerita sikit *kan*. (bunyi kenderaan) *This is business* [ini adalah business]. Apa sendiri pun, duit! Nak [hendak] buat batik? Nak [hendak] buat batik, kalau tak [tidak] boleh jual, nak [hendak] buat? Macam tu [itu] adat. *We want money!* [kita ingin duit!] *Survival!* [kelangsungan hidup!] Serupa *lah jugak* [juga] dengan kraf ni [ini]. (bunyi kenderaan) Kalau bercakap, bercakap, bercakap *but they never think where to sell* [tapi mereka tidak pernah fikir hendak jual dekat mana], terutama di Kedah. Di Kedah *takda* [tidak ada] pelancong. Pelancong datang banyak di mana?

NHG : Langkawi.

SM : *Pi* [pergi] Langkawi. Habis macam mana? *Pi* [pergi] Siam. *So* [jadi] kita ni dia *by pass* [melalui laluan] sahaja. Kalau ada sedikit pun tulah [itulah] di Muzium Padi. Selalu *diorang* [mereka] datang sini pak cik selalu tolong *promote* [promosi] *kan*. Muzium Padi *is the best museum in the world* [adalah muzium terbaik di dunia]. (bunyi kenderaan) *So* [jadi] selalu *promote kat* [dekat] situ ada *lah* produk kita. *So* [jadi] Alhamdulillah *lah* kita ada situ [merujuk kepada Muzium Padi]. *And then* [dan kemudian], satu lagi kita buat jualan (bunyi kenderaan) di Pekan Rabu. Pekan Rabu *also* [juga] tempat pelancong. Bila *you* [awak] gazet sahaja, kerajaan menggazetkan tempat pelancong, maknanya pelancong akan datang. Kalau macam pak cik ni [ini] buat, buat pelancong, sapa nak *mai* [siapa hendak datang]? *The government never promote* [kerajaan tidak pernah mempromosikan], “Ni [ini] Batik Village ni [ini], *mai* [datang]. “Dia ada batik, boleh buat batik, (bunyi kenderaan) boleh belajar batik.” Tak [tidak] ada! *So* [jadi], lama-lama benda [merujuk kepada batik] ni [ini] akan mati. Banyak dah [sudah] orang yang tak [tidak] buat. Terutama kraf yang susah-susah, yang kecil-kecil tu

[itu] *lah*. Macam orang panggil apa? Tong pukul padi *lah*, (bunyi kenderaan) lesung hindik *lah*. *A lot of things* [banyak perkara]. Banyak dah [sudah] orang tak [tidak] buat. *So* [jadi] di sini ni [ini] kita nak [hendak] cuba balik *lah*. (bunyi kenderaan) *Korang* [kamu semua] buat sepuluh biji pun *takpa* [tidak mengapa]. Ambil *mai* [datang] letak dekat kedai. Kalau kata *takda* [tidak ada] kedai, *kat* [dekat] mana kita nak [hendak] letak? Itu yang saya ceritakan. Apa yang nak ni [hendak ini], *marketing is very important* [pemasaran adalah sangat penting]. (bunyi kenderaan) Walaupun *you* [awak] pandai buat batik macam mana sekalipun, *you* [awak] pandai buat kraf macam mana sekalipun, *no place to sell, and then you will die* [tiada tempat untuk menjual, dan kemudian anda akan mati].

NFMA : Kena ada *income* [pendapatan].

SM : Kena ada *income* [pendapatan]. Mana ada orang buat kerja saja [sahaja].

NHG : *So promote* [jadi promosi] tu [itu] penting *lah?*

SM : Penting! *Very-very important* [sangat-sangat penting].

NHG : Sebab zaman sekarang *kan* orang banyak macam guna sosial media.

SM : Kita masuk dalam sosial media. Ya. Persatuan ada. Macam pak cik ni [ini], anak pak cik buat untuk Batik Village. Kita ada Inap Desa Batik Village. (bunyi kenderaan) Kita ada Inap Desa, *homestay* [inap desa]. Dia akan selalu *blast* [sebar] *kan* di dalam Facebook, Instagram dan sebagaimana. Serupa *jugak* [juga], kita punya persatuan pun sama *lah*.

NFMA : Persatuan tu [itu] bila ditubuhkan pak cik?

SM : Lima-enam [5-6] tahun ada dah [sudah].

NFMA : Lama.

SM : Lama, lama.

NHG : Maknanya untuk kita yang (bunyi kenderaan) sebagai usahawan ni [ini], untuk *promote* [promosi] ataupun jual produk kita sendiri, macam *hot place* [tempat tarikan] tu [itu] macam pak cik cakap tadi antara Muzium Padi dengan Pekan Rabu *lah*?

SM : (Mengiyakan). Muzium Padi dengan Pekan Rabu *lah*. Satu lagi kita ada Hotel Jerai. Hotel Jerai tu [itu] yang ada di Alor Setar. Jerai Hotel. Yang depan [hadapan] Bank Negara tu [itu]. (bunyi kenderaan) Tak [tidak] kenal? Tak tau [tidak tahu]? (bertanya kepada pelajar). Dan kita ada *jagak* (juga) di *resort* [tempat peranginan], Jerai Resort dekat Gunung Jerai. So [jadi] *depa* [mereka] ni [ini] ambil *lah* produk-produk usahawan ietak dekat *diorang* [mereka] punya tu [itu] (merujuk kepada tempat). Adalah sikit-sikit jualan. So [jadi] kita harapkan begitu *lah*.

NHG : Maknanya tempat yang ramai orang pergi *lah*?

SM : (bunyi kenderaan) Ya tempat yang ramai pergi *lah*.



NFMA : *Kan* tadi Encik Syed ada sebut pasal persatuan tu [itu], Encik Syed seorang saja [sahaja] *ka* [ke] yang macam mengusahakan persatuan tu [itu]?

SM : Tak [tidak]. (bunyi kenderaan) Persatuan ni [ini] dia tak [tidak] macam tu [itu]. Nak [hendak] jadikan persatuan ni [ini] kita kena ada ahli.

NFMA : Ya.

SM : Kebetulan pulak [pula], ahli persatuan Kraftangan Kedah ni [ini] kita ada lebih kurang (bunyi kenderaan) dalam 42 orang ahli. Nak [hendak] jadi pengerusi dia pun kena ada mesyuarat agung, dilantik oleh ahli-ahli persatuan. Kebetulan tu [itu] *depa* [mereka] lantik (bunyi kenderaan) pak cik *lah* sebagai pengerusi persatuan. Dan kita ada setiausaha, kita ada bendahari, timbalan bendahari, timbalan setiausaha dan AJK-AJK [Ahli Jawatan Kuasa] yang lain *lah*. Jadi yang selalu bergerak ni [ini] dua, tiga orang saja *lah* (ketawa). Mesti kena ada dalam 42 orang ahli *lah*. So [jadi] kalau kita tak *fight for the* [lawan untuk] benda-benda ni [ini], ahli-ahli pun *taktau* nak [tidak tahu hendak] letak barang kat [dekat] mana. *So that's why* [jadi sebab itu] kalau kata batik ni [ini] bukan kata *takda* [tidak ada]. Orang lain pun ada, muda-muda *diorang* [mereka] *belajar* [belajar]. Macam pak cik, tak [tidak] belajar. Saya usahawan. *But* [tapi] *diorang* [mereka] belajar, tapi kekangan tu [itu], kekangan. *Where to sell the product? They can do, they can canting very-very well. They can canting* [di mana untuk menjual produk? Mereka boleh buat, mereka boleh canting dengan sangat baik. Mereka boleh canting]. Macam pak cik ni [ini] buat batik cincai *ja* [sahaja] kita panggil. *Because for me* [sebab bagi saya] satu lagi yang kata cincai tu sebab apa, (bunyi kenderaan) pun strategi. *If I want to sell to you for \$200. I got no money you said there. My batik is only \$80. Also batik!* [Jika saya ingin menjual kepada awak dengan harga \$200. Saya tidak mendapat wang

yang awak katakan di sana. Batik saya hanya \$80. Juga batik!]. Tapi tak [tidak] *lah* secantik dengan canting. *But still you have* [tetapi masih awak mempunyai] batik. *Because* [sebab] dah [sudah] ada RM200 *ja* [sahaja], nak [hendak] beli tak [tidak]? Contoh macam tu [itu] *lah*. *So* [jadi], *for me* [bagi saya], *that's why* [sebab itu] kita *kalihkan* [alihkan] *marketing strategy* [strategi pemasaran] *lah*. *I think* [saya fikir] kalau kata nak [hendak] jual di Pekan Rabu tu [itu], nak [hendak] jual ribu-ribu *sapa* [siapa] nak [hendak] beli?

NFMA : Ya, betul.

SM : Kalau kata nak [hendak] pergi (bunyi kenderaan) beli di Muzium Padi, *sapa* [siapa] nak [hendak] beli? Yang nak [hendak] beli ribu-ribu ni [ini] semua pegawai-pegawai kerajaan yang ada duit. *Depa* [mereka] nak [hendak] pakai. Bukan tak [tidak] dapat, kita dapat dulu tempahan masa kita buat canting dengan UiTM [Universiti Teknologi MARA] tu [itu]. Tempah berpuluh-puluh ribu masuk *but until now they also got no money* [tapi sampai sekarang tidak dapat juga duit itu]. *The government also got no money* [Kerajaan juga tidak mendapat wang]. *Takda* [tidak ada] tempahan masuk. Macam mana kita nak [hendak] hidup? Serupa jugak [juga] dengan usahawan-usahawan lain ni [ini] jugak [juga]. *So because* [jadi sebab] *takda* [tidak ada] tempahan, *then where to sell the product* [lepas itu hendak jual produk dekat mana], pun *diorang* [mereka] *takda* [tidak ada] produk nak [hendak] pergi jual. (bunyi kenderaan) *So* [jadi], kesian! Nak [hendak] kata hidup segan mati tak [tidak] mahu pun tak [tidak] boleh. Kesian kat [dekat] *depa* [mereka] (merujuk kepada pengusaha batik). Pasal *depa* [mereka] pun buat kerja *kan*? *Because they got no place to sell* [kerana mereka tidak mendapat tempat untuk menjual]. Itu masalahnya. *So* [jadi] kalau kita duk [duduk di] Langkawi mungkin kita boleh *survive* [bertahan].

NHG : Sebab ramai *foreigner* [pelancong asing].

SM : Sebab ramai *foreigner* [pelancong asing]. Kita sini *foreigner* mana ada. (bunyi kenderaan) Dulu di Muzium Padi ada *jugak* [juga]. (bunyi kenderaan) Mula-mula pak cik *involve* [terlibat] batik ni [ini], masa buat kraf ni, ada! China apa semua datang. Kadang-kadang kita bawak [bawa] pergi, bawak *cotton* [kapas], “*No, no, no! I don’t want cotton! I want silk! I want silk!*” [Tidak, tidak, tidak! Saya tidak mahu kapas! Saya mahu sutera! Saya mahu sutera!]

NFMA : *Depa* [mereka] memang berkenan *lah*?

SM : *Depa* [mereka] berkenan *silk* [sutera]. (bunyi kenderaan) Sebab China banyak *silk* [sutera] *kan*. Sekarang buat lagi, sapa [siapa] nak [hendak] beli *silk* nya? *Cotton* [kapas] ja [sahaja]. RM30, RM35. (bunyi kenderaan)

NHG : Mungkie sebab sejak PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni [ini] dia jadi macam *slow* [perlahan].

SM : Sebelura tu [itu] pun sama.

NFMA : Sama jugak [juga]?

SM : Pelancong dah [sudah] macam tak [tidak] masuk di Kedah *lah*.

NFMA, : Banyak pergi tempat lain, Langkawi, Siam.

NHG

SM : Banyak pergi tempat lain dah [sudah] (ketawa). Dah *fly* [terbang] ke tempat lain dah.

NHG : Pak cik cakap tadi *kan* persatuan tu [itu] *kan*, ada tak [tidak] macam aktiviti yang pak cik dan persatuan buat untuk macam *promote* [promosi]?

SM : Ya, ya. Aktiviti ni [ini] dia macam ni *ja* [sahaja]. Dia ada dua, macam persatuan ni kita cuma cari untuk buat *marketing* [pemasaran] *ja* [sahaja] daripada *diorang* [mereka]. Makna, (bunyi kenderaan) cari tempat untuk *diorang* nak [hendak] buat jualan. *And then* [dan kemudian] macam kata dalam nak dapatkan *knowledge* [pengetahuan] *takdak* [tidak ada] masalah. Kraftangan yang akan bimbing *depa* [mereka] ni semua. Macam pak cik pun di bawah bimbingan kraftangan. *So* [jadi] macam kraftangan ni pun tak [tidak] mampu *jugak* [juga] nak [hendak] sediakan tempat, tempat nak jual ni (merujuk kepada batik). *So* kita sebagai persatuan *lah* buat cari tu [itu]. Dulu cari banyak tempat tapi *very slow* [sangat perlahan]. Hotel Tabung Haji pun kita ada, Menara Alor Setar pun kita ada kedai. (bunyi kenderaan) Tapi orang tak [tidak] masuk. Sebab menara, yang pergi siapa? *Students* [pelajar]! Mana *depa* [mereka] ada duit. *So it's a problem* [jadi ianya satu masalah].

NFMA : (bunyi kenderaan) Persatuan tu [itu] *kan*, encik ada *mention* [menyebut], *kan* encik bergerak, mula daripada encik *lah kan*? Lepas tu [itu] tubuh ada 42 ahli, kemudian macam mana tu ? Kiranya persatuan tu kalau *mintak* [minta] bantuan dari kerajaan tu, kerajaan proses tu macam mana? Kerajaan akan akan terus tolong *ka* [ke]?

SM : Tak, tak [tidak, tidak]. Sekarang ni [ini] *takda* [tidak ada]. Dia macam ni, (bunyi kenderaan) sebenarnya dana pun kena ada saluran, kena salur daripada persatuan. Kerajaan pun *takda* [tidak ada] duit *because* [sebab] semenjak tubuhkan persatuan ni [ini] berapa orang exco dah [sudah] pak cik pergi jumpa. Exco Kedah ni, berapa kali *mai* [datang] raya dah [sudah] *kan*.

NFMA : Ya betul.

SM : Apa dia cakap? Bila kita bagi idea-idea, dia kata “*you* [kamu] orang buat *lah*.” (bunyi kenderaan) Saya kata *kat* [dekat] dia, “saya ni [ini] usahawan yang kecil”. Macam kerajaan ni satu dana yang besar. *You* [awak] kena buat *infrastructure* [infrastruktur]. Bila buat *infrastructure*, misal kata bagi contoh. Okay, bagi contoh. Macam pak cik pergi di China *kan*? (bunyi kenderaan) Cerita dengan *diorang* [mereka], fikir tengok *lah*, kita tengok yang *besar* [besar] *diorang* [mereka] buat tu [itu]. Dalam sungai, tapi pertunjukan ni bangsawan, *Night Time*. *Diorang* tunjuk bangsawan ni macam - dia *fight* [lawan]. (bunyi kenderaan) Dengan api yang datang dari jauh, serang macam tu. Semuanya dia ada, rakit, rakit, rakit saja. Yang susah pun *diorang* [mereka] boleh buat. Ini yang senang kita tak [tidak] boleh buat. Yang senang pun *diorang* (orang China) buat, saya kata kat *diorang* [kerajaan]. Okay, macam kata dulu ni [ini] *diorang* nak [hendak] buat sungai Kedah tu [itu] *kan*? (bunyi kenderaan) Nak tarik pelancong, nak [hendak] letakkan bot dan sebagaimana. *If you put the boat without any activity* [jika

anda meletakkan bot tanpa sebarang aktiviti], sapa [siapa] nak [hendak] naik. Nak tengok apa? *Kat* [dekat] kita sini pun Wang Tepus pun ada sungai. Kita boleh naik bot. *So you have to do activity* [jadi kena buat aktiviti]. *Sapa* [siapa] yang nak kena buat? Panggil *lah* orang-orang kraftangan ni. Orang yang buat kraf ni. *Okay* [baiklah] *mai* [datang] di sini kita tengok anyaman, *mai* sini tengok, canting batik. *Mai* [datang] di sini *pulak* [pula] tengok ada nyanyian Mek Mulung. Pertunjukan, *that's what China doing!* [itulah yang dilakukan oleh China!] Dia punya etnik tu [itu] dia tunjuk. Ni menyanyi (sambil membuat suara), ada yang rambut panjang. *So* [jadi], bila cerita dengan *diorang* [mereka], "*We got no money* [kami tidak ada duit]". *If you got no money* [kalau awak tidak ada duit], kami lagi *takda* [tidak ada] duit! *So that's why* [jadi sebab itulah] tak [tidak] boleh maju. Cuba kita tengok Melaka, Melaka *parai* [pasal] apa boleh maju? Ni [ini] baru nak [hendak] cerita dalam negara. *Boat* [bot]? *They do* [mereka buat] apa? *Painting at the back of the building!* [Melukis di bahagian belakang bangunan] (bunyi kenderaan) Berapa ramai orang naik? Pak cik pun naik! (bunyi kenderaan) *That's what they should do* [itulah yang sepatutnya mereka lakukan].

NHG : Kat Kota A'Famosa *kan* ramai yang buat lukis-lukis.

SM : Ya lukis. Panggil pelukis ni *free* [percuma] ja [saja] boleh *pi* [pergi] melukis. *Art Street* [Jalan Seni] yang macam *Penang* [Pulau Pinang] *kan*? Yang baru-baru ni [ini] *Art Street* tu [itu] (bunyi kenderaan) ramai orang tu, pak cik pun pergi *jugak* [juga]. Selepas PKP [Perintah Kawalan pergerakan] ni [ini], *Art Street* tu. Apa nama tempat tu? Alah, di pulau *lah*, di pulau.

NHG : *Area* [kawasan] Georgetown?

SM : *Dak dak* [tidak, tidak], di pulau. Dekat dengan Georgetown. *So actually* [jadi sebenarnya], *the state government should do that lah, to attract the tourist* [kerajaan negeri patut buat begitu, untuk menarik pelancong]. Baru *lah* produk ni [ini] boleh jual. Kalau *takda* [tidak ada], susah.

NFMA : Baru *lah* boleh dapat *income* [pendapatan] apa semua.

SM : Ya.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

#### BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN SENIMAN DALAM BIDANG SENI BATIK

NFMA : Kami teruskan soalan. Berkenaan dalam bidang seni batik *ni* [ini], boleh Encik Syed ceritakan sejarah pembabitan Encik Syed dalam dunia seni batik *ni*? Macam encik ada *mention* [sebut] tadi Kelantan, Terengganu macam mereka pun hasilkan batik. *Okay* [baiklah] - *so* [jadi] macam persaingan bila jumpa dengan (bunyi kenderaan) mereka itu macam mana? Macam batik mereka lagi lawa ke?

NHG : Itu pun masing-masing *kan* ada setiap keunikan.

SM : Dari segi teknik ini sama ada Kelantan, Terengganu (bunyi kenderaan), Kedah *ka* [ke] - teknik pembuatan itu sama.

NFMA : (angguk) Teknik sama.

SM : (angguk) Teknik dia sama. Cuma kita katakan corak penghasilan *tu* [itu] agak berlainan. Kalau kata, kadang-kadang ada banyak fauna dan flora *diorang* [mereka] ada letak elemen-elemen lain. Bukan setakat bunga, bukan setakat daun. *And then* [dan selepas itu] boleh masuk elemen-elemen lain *lah* supaya bagi benda *tu* nampak lebih menarik - *kan?* Jadi, *nak* [hendak] kata kelainan itu antara negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah, dalam segi motif *saja* [sahaja].

NFMA : Motif?

SM : Motif *ja* [sahaja] (angguk) idea itu sahaja. *And then* [selepas itu] persaingan *tu* [itu] kalau kata *you* [awak] punya motif *tu* kelainan, *then* [jalu] persaingan agak tak berapa ada. Kita *tak* [tidak] takut *lah*. Persaingan *tu* kita *tak* takut. *Unless you produce* [melainkan awak menghasilkan] benda yang sama. Macam saya kata fauna flora. Macam sesetengah *tu* kalau batik *canting* dia lebih hebat *lah*, sebab dia boleh buat corak yang macam-macam. So [jadi] saya ingat dalam segi orang kata apa saingan *tu* - -

NFMA : Saingan batik *ni* [ini] *takde* [tidak ada]?

SM : *Takde* [tidak ada] *lah* (geleng).

NHG : Sebab masing-masing ada – keunikan?

SM : Semua ada *design-design* [corak-corak] tersendiri.



NFMA : Ada unik tersendiri?

SM : Betul (angguk). Keunikan tersendiri.

NFMA : Soalan seterusnya. Macam mana penerimaan keluarga encik berkaitan dengan penglibatan encik dalam bidang batik ini?

SM : Penerimaan keluarga *tu* [itu] *tadak* [tidak ada] masalah. Sebab pakcik pun, ini satu perusahaan yang kecil, *so* [jadi] - tidak ada masalah. (bunyi kenderaan) Bantahan ke apa semua *takdak* [tidak ada].

NHG, : *Support* [sokong] *je* [sahaja] *lah?*

NFMA

SM : *Support* sahaja *lah*.

NFMA : Penerimaan keluarga sangat *okay* [baik] *lah?*

SM : *Okay* [baik]. (angguk)

NFMA : Adakah encik mempunyai adik-beradik atau ahli keluarga terdekat yang berkecimpung juga dalam bidang seni batik ini?

NHG : Ataupun ada yang usahawan ke?

SM : Dalam *family* [keluarga] - tidak ada. Cuma sekarang *ni* [ini] tengah didik anak yang bongsu tadi *tulah* [itulah]. Dia *ni* graduasi dalam *international business* [Perniagaan Antarabangsa]. Tapi dia canting tak boleh, tapi dalam

batik Shibori dia boleh buat. Batik Shibori, *colouring* [mewarna], dia boleh. *Then, marketing* [seterusnya, pemasaran] dia boleh buat. Jadi harap yang kecil [anak bongsu] ni lah.

**NFMA** : Dah boleh batik shibori semua *tu* [itu] *pastu* [selepas itu] **bisnes pula. Ada pengetahuan bisnes.**

**SM** : Dia sebenarnya, *if you have a small knowledge of the batik, you as a businessman – businesswoman* [kalau kamu ada sedikit ilmu tentang batik, kamu sebagai orang lelaki dan perempuan yang berniaga] - tidak ada masalah sebenarnya. *As long as you got the* [asalkan kamu ada] bengkel, *you do whatever you can do - you cannot do, you* tempah [kamu buat apa sahaja yang kamu boleh buat, kalau tak boleh buat, kamu tempah]. Kamu punya orang lain buat. Mai [datang] - “*I* [saya] nak batik” - “*No problem. I can do for you.* [Tak ada masalah. Saya boleh buat batik untuk awak]”. *Talipon ja kawan* [telefon sahaja kawan]. Maknanya orang lain boleh tolong buat [batik] bagi. *As long as you* [asalkan kamu] minat tak minat [batik] *je* [sahaja]. Tapi selalu pakcik bagi *encourage* [galakan] pada anak pakcik “*If you can do batik Shibori, and then you can do the coloring, other batik, other motif, other technique ---* [kalau awak boleh buat batik Shibori, selepas itu awak boleh mewarna, boleh buat batik lain, motif lain, teknik lain]” --- *if* [kalau] ada orang lain datang nak buat, “*yes I can do it*” [cakap ‘ya, saya boleh buat batik’]. Sekarang *ni* [ini] ramai orang buat. Kita dekat Kedah *ni* ramai lagi. Itu *is a businessman* [ialah ahli perniagaan] [perspektif] kena macam *tulah* [itulah].

NFMA : Apakah faktor yang perlu diambil kira dalam penjagaan setiap batik?  
Batik *tu* [itu] tak boleh nak sidai sesuka hati *ka* [ke]?

SM Penjagaan batik *ni* [ini] kena rapi, walaupun apa jenis batik sekalipun jangan jemur tengah panas *lah*. *Don't expose to the sun* [jangan terdedah kepada matahari]. Dia [batik] cepat kelabu. Sama ada batik *tu you* [kamu] guna *colour* [warna] remasol ke *colour* naphthol ke *colour* apapun tak boleh di *expose* [dedah] kan kena panas. *And then* [selepas itu] yang dikatakan, kalau batik *cotton* [kapas] *ni* - dia senang jaga. Yang pakcik tengah buat sekarang *ni* kebanyakannya *cotton*. *Cotton* senang. Macam batik *cotton* semua *ni* [tunjuk baju yang dipakai] dalam *washing machine* [mesin basuh] *pun* kita boleh masuk. Boleh *takdak* [tiada] masalah. Tapi lepas basuh jangan jemur tengah panas. Tapi batik sutera tak boleh. *Silk* [sutera] dia *cannot* [tak boleh]. *You wash* [kamu basuh] pakai tangan, kamu tak boleh guna *detergent* [pencuci] yang biasa-biasa. Guna syampu rambut *ka* begitu *ja* [sahaja] - *or the best thing* [atau lebih baik], hantar *pi* [pergi] *dry cleaning* [cuciian kering]. Jadi susah kita nak jaga dia [batik], terutama sekali sutera *lah*.

NHG : Kalau macam masuk dalam mesin ke apa dia [batik sutera] kedat *lah*?

SM : Dia boleh koyak. Sebab kain dia halus.

NHG : Sebab mak saya, ada baju sutera *tu* [itu], *pastu* [selepas itu] selalu nampak rendam ataupun gosok slow-slow [perlahan] *lah*.

SM : Gosok *ja* [sahaja], rendam *gitu ja* [begitu sahaja]. Dia bukan *pasai* [pasal] warna *tu*, *pasai* kain *tu*. Walaupun kita katakan, tak jadi batik sekalipun, beli kain *plain* [kosong], buat baju (bunyi kenderaan) *pun* tak boleh juga. *You* [kamu] kena basuh elok-elok. Dia [kain] sutera - *very sensitive* [sangat

sensitif]. Kalau *cotton* [kapas] macam pakcik buat banyak *ni* [ini], senang. Pakcik kata *hampa* [kamu berdua], tak susah. Nak beli - letak *wachine machine* [mesin basuh] *pun* boleh basuh. Pakcik basuh [batik cotton] *washing machine je* [sahaja].

NFMA : *Takkan* [tidak akan] luntur lah?

SM : *Takkan* luntur. Cuma jangan *buh tengah panaih ja* [letak tengah panas sahaja]. Sebab dia ni *kan cotton* [kapas] *ja* [sahaja]. *Machine* [mesin] dia *spin* [berpusing] *kan?* *Takde* [tiada] masalah sebab kain dia tahan. Sutera tak boleh.

NFMA : Soalan seterusnya, berapa bilangan jualan dalam setahun daripada penghasilan batik yang pakcik anggarkan?

SM : Dari segi nilai [duit jualan] *tu* [itu] boleh kata dalam 60,000 ringgit.

NFMA : *Okay* [baiklah] boleh saya tahu, mengapa encik pilih untuk ceburi bidang seni ini?

NHG : Selain minat.

SM : Dia [bidang seni batik] salah satu daripada suatu pendapatan.

NFMA : Kenapa pakcik tak pilih bisnes lain?

SM : Minat. Satu lagi, *you have your own product* [kamu ada produk sendiri]. Kalau dari segi pakaian, *textile* [tekstil] *kan* - orang semua pakai baju. *So*

[jadi] dalam segi bisnes *tu* [itu] maknanya *is a good business* [perniagaan yang bagus]. Orang akan cari pakaian, kita kena buat pakaian. Pakaian apa? Pakaian batik. *Pahtu* [selepas itu] pula dia kena dengan batik *ni* [ini] satu benda tradisional, patut dijaga - *kan*? Ingat kalau pakcik optimis bawa batik *ni* --- inshaAllah kalau kerajaan cuba *promote* [promosi] *kan* baik-baik, dia [batik] boleh maju.

NFMA : Batik *ni* [ini] ?

SM : (mengiyakan) Batik *ni*. Cuma rakyat *ni* kena prihatin sebab --- (bunyi kenderaan). Yang mana batik yang mana bukan batik. Kebanyakan yang *diorang* [rakyat Malaysia] buat pakai sekarang *ni* bukannya batik. Nampak macam batik, corak macam batik, *actually that is a printed material* [sebenarnya itu adalah bahan dicetak]. Benda-benda yang dicetak di China dimana *tu* [itu] - jual murah-murah. Satu helai baru 20 ringgit [harga]. Kita satu helai sampai tujuh ke lapan ratus ringgit. Jadi kalau kata kerajaan dapat memberikan ilmu ataupun *expose* [tunjukkan] kepada rakyat *ni* apakah itu batik, InshaAllah batik boleh maju.

NFMA : Selain minat *tu* [itu] memang rasa boleh menjana pendapatan [jual batik] yang baik?

SM : Ya. Boleh menjanakan satu pendapatan yang baik.

NFMA : Berdasarkan pengetahuan encik, di manakah kawasan yang terkenal dengan pembuatan batik yang cantik? Tak kisah mana-mana.

SM : Kalau kita tengok trend sekarang *ni* [ini] di Selangor *lah*. Sebab kerajaan telah *pun* menubuhkan kolej (bunyi kenderaan) di Rawang.

NFMA : Kolej khas ke?

SM : Kolej khas Institut Kraf Negara [IKN]. Jadi disitu bila *diorang* [mereka] [pelajar IKN] *grad* [graduasi], *diorang* akan buka bengkel-bengkel di sekitar Selangor *ja* [sahaja]. Jadi kita tengok kebanyakan Selangor dengan KL [Kuala Lumpur] *ni* [ini] sebab batik *diorang* hebat-hebat. *Diorang* boleh buka butik yang *besaq-besaq* [besar]. Satu lagi, kebetulan pula Selangor dengan Kuala Lumpur ni memang satu tempat tumpuan. Orang besar-besar [jawatan tinggi] *kat* [dekat] sana, orang kaya-kaya. *So* [jadi] nampak yang *diorang* buat cantik-cantik [batik] *tu*. Bukan kata orang Kelantan tak *reti* [tahu] buat cantik, orang Kedah tak boleh buat cantik. Boleh buat. Tapi masalahnya *kat* [dekat] mana nak jual? Kalau Kedah yang boleh beli [batik] katakan sepuluh orang, dekat Selangor seribu orang boleh beli. *So* dia kebanyakannya *diorang* [mereka] [pihak kerajaan] tumpukan di Selangor dengan Kuala Lumpur *lah*.

NHG : Tapi dekat KL [Kuala Lumpur] *kan* ada yang Pasar Seri *tu* [itu] *kan*? Ramai lah budak-budak muda pergi. Tapi cuma corak batik atas kanvas *je* [sahaja]. Maknanya kalam contohlah buat promosi *tu kat* [dekat] (bunyi kenderaan) Kedah ataupun tempat lain yang macam kita *ni kan* (tunjuk isyarat tangan 'di sini') ---

NFMA : Buat [batik] yang macam atas kanvas sahaja *ka* [ke]?

SM : Itu dia panggil batik *printing* [cetak]. Batik *printing* kita bukan *takde* [tiada], ada. Ada juga batik *printing* tapi kita ada *lah* beberapa keping diletakkan di Muzium Padi. Macam *ni* [ini] batik *printing* (tunjuk bingkai gambar batik). Macam *tu kot noh* [mungkin]?

- NHG : Ya macam *tu* [itu], cuma *kecik je* [kecil sahaja].
- SM : Ya *kecik ja lah*. Satu lagi, dia [budak-budak muda] pergi sana *tu color* [mewarna] *ka* [ke] apa?
- NHG : Dia *color* [mewarna].
- SM : Yang itu pun kita ada. Kalau kata di Muzium Padi memang paling *laku* [laris].
- NFMA : Orang ramai berminat *lah*?
- SM : Ramai minat. Kebanyakan *student* [pelajar] *lah*. Bila *diorang* [mereka] pergi [Muzium Padi] *tu* [itu], *diorang* beli. *And then sometime you go to school, sometime they come here* [kadang-kadang kami pergi sekolah dan kadang-kadang pelajar yang datang ke sini] untuk nak buat batik *coloring* [mewarna]. DIY [Do-It-Yourself] batik. Dia kalau batik kanvas *ni* [ini] takut *tu* batik *painting* [cat]. Batik *painting tu mahai* [mahal]. Macam *tu* [batik] sahaja *pun* 600 [ringgit]. Kalau di Pasar Seni *tu* sama juga. ada yang mahal batik *painting tu*. Kalau kata yang *diorang* [budak-budak muda] beli warna *tu* jual murah-murah *je* [sahaja]. Paling kurang 10 ke 20 ringgit.
- NFMA : Soalan seterusnya, adakah encik pernah menyangka bahawa encik akan terlibat dalam bidang seni sehingga ke tahap ini?
- SM : Tak sangka pula *lah*. (ketawa)

NFMA : Kenapa tak sangka *tu* [itu]?

SM : Tak sangka pula, *duk* [sebab] ingat saya ---. Melainkan lepas 40 *taknak* [tidak mahu] dah, *and then after* [dan selepas] umur 57 [tahun] *gitu* [begitu] ingat *takmau* [tidak mahu] buat apa dah. *I want to stay* [saya nak tinggal] *kat* [dekat] KL [Kuala Lumpur]. Kira duduk *kat* sana *lah*. *And then* [selepas itu] kita kata Allah Ta'ala [SWT] mengatitkan *tu* sebab terjumpa dengan budak-budak [pelajar] UiTM [Universiti Teknologi MARA] Merbok *kat* sini. Jumpa *diorang* [mereka] tanya, “*Uncle* nak buat tak?”.

NFMA : Jumpa *kat* sana [UiTM]?

SM : Tak. Sebab bapa-bapa *diorang* [mereka] *tu* [itu] --- (bunyi kenderaan) anak-anak *diorang* pensyarah *kat* [dekat] sana. “*Uncle*, *uncle* nak buat batik dak? *Uncle* minat kan?”. Itu yang boleh *tu*.

NFMA : Kalau *depa* [mereka] *tak* [tidak] borak *takde* [tidak ada] *lah*?

SM : Tak buat dah (angguk.) Memang duduk di KL [Kuala Lumpur] *lah*.

NFMA : Memang tak sangka *lah*.

SM : Tak sangka *pun*. *Pastu* [selepas itu], seronok pula.

NFMA : Seronok?

SM : (angguk) *Happy*. *Very very happy*. [Gembira, sangat-sangat gembira]. Orang *tak* [tidak] beli *pun takpa* [tidak mengapa]. Seronok tengok. Tapi buat,



inshaallah orang beli.

**NFMA** : Bagaimana Encik Syed membahagi masa antara keluarga dengan pekerjaan?

**NHG** : Nak buat batik *ni* [ini] *kan* proses dia lama. Adakah kena buat *ni* sehari suntuk duduk dekat situ [bengkel] ke?

**SM** : *Takdelah* [tidaklah]. Nak katakan terus buat setiap sehelai tak boleh juga. Katakan *you start block, and then you start* [kamu mula dengan blok dan kemudian kamu mula] masuk *color* [warna]. *Color takde* [tidak ada] masalah. Tak larat tinggal *je* [sahaja]. *Pastu combo* [selepas itu, satukan]. *So* [jadi], dia *ni takdak* [tidak ada] masalah *as long as* [asalkan] kalau tempahan *tu* [itu] lain-lain. *To meet the target because you* [untuk memenuhi target sebab kamu] ada orang tempah *kan*. Kalau kita buat produk kita sendiri *ni*, buat suka-suka *pun tak* [tidak] boleh juga. Buat suka-suka nanti buat *tak* banyak, melainkan buat ikut keadaan dia [pembuat batik]. Kalau *takdak* benda yang *urgent* [penting] *kat* [dekat] rumah, kita buat [batik] juga. Kalau ada benda *urgent kat* rumah, kita tutup [bengkel]. Kita selesaikan [benda penting] yang *kat* rumah, baru kita buat [selesaikan kerja] *kat* sini. Sebab projek *outstation* [luar kawasan] saja [sahaja] ---. Ini rumah depan *ni je*. Kalau apa-apa tidak ada masalah. (geleng)

**NFMA** : Pada pendapat Encik Syed, adakah bidang batik ini mencabar?

**SM** : Dia memang mencabar. Nak buat *tu* [itu] *taklah* [tidak] mencabar sangat. *Sell the product* [jual produk] satu *tu*.

NFMA, : Soalan seterusnya, apakah cabaran yang dihadapi oleh Encik Syed pada awal-awal penglibatan dalam bidang seni batik *ni* [ini]? Dan macam mana atasinya?

SM : Kadang-kadang *tak* [tidak] terlintas *pun* benda *ni* [ini] akan jadi satu cabaran yang besar. Sebab kita ada pekerja-pekerja yang memang pandai buat batik. *Because not every student* [Sebab bukan semua pelajar] yang *grad* [graduasi] *tu* [itu] *depa* [mereka] buat meniaga sendiri - *takde* [tidak ada]. *Depa pun nak* [mahu] cari kerja. *So* [jadi], cabaran sangat *tu takde lah*. Cuma cabaran yang mula-mula *tu* sebab saya *ni* bukanlah dari bidang batik, jadi *nak* kenal kain *pun tak reti* [tidak tahu]. *So, I need time to learn* [jadi, saya perlu masa untuk belajar], *nak* kenal-kenal *kan* kain *ni* [tunjuk kain batik] tadi. Semua kain bukannya boleh buat batik. *There are certain* [ada sesetengah] kain yang boleh buat batik. *Nak* sebut nama kain *pun tak* [tidak] berapa pandai. *So, I got to learn from that* [jadi, saya belajar dari situ]. *Color* [warna] senang. Satu dua *color tu je* [itu sahaja] yang pakai untuk buat batik. *Color* remazol ataupun *color naphthol*. Tapi kain *ni* - macam-macam kain *and then sometime you want to tell to the people* [dan kadang-kadang awak nak bagitahu orang], “Oh, ini kain cotton masarize, this one is cotton brightline, this is cotton poplin.” *So, many things dari situ you* [jadi, banyak benda dari situ kamu] *nak* kena belajar. *Tu* yang agak mencabar. *Nak* bersembang dengan orang *pun*, “Eh ini kain apa ni? kain apa ni?”. *So, I got to write on the kain itself* [jadi, saya perlu tulis atas kain itu sendiri].

NFMA : Untuk *nak* ingat *lah*?

SM : (angguk) Untuk *nak* ingatlah. *Pasai* [sebab] banyak kain.

NHG : Kena rasa [sentuh] *lah* setiap kain *tu* [itu]?

SM : Ya, kena ada rasa. Macam yang *ni* [ini] *kan* (tunjuk kain) yang *ni* lain, yang *ni cotton* [kapas] poplin, yang *ni cotton* lain.

NFMA : (sentuh kain) Dia macam lembut *sikit* [sedikit]. Ada juga *hat* [kain] yang keras *tu* [itu].

SM : Ya. Macam kain sutera sama juga. *There are few* [ada beberapa] sutera. Sometimes [kadang-kadang] *nak* [hendak] sebut nama *tu* lupa. *So, I got to write on the kain itself* [jadi saya perlu tulis atas kain itu]. Buat kecil-kecilan *tu* katalog dia - tulis - bawak pergi nak jumpa orang *tu*, "Oh ni kain... ni kain ni". Itu agak mencabar. Dari segi *design* [corak], dari segi buat *takdak* [tidak ada] masalah. *We can* (bunyi kenderaan) *ask people to do for us*. [kita boleh minta orang buat untuk kita].

NFMA : : Pada pendapat encik, adakah bidang batik ini mencabar pada generasi muda sekarang?

SM : Ya mencabar.

NFMA : Mencabar dari segi macam mana?

NHG : Minat?

SM : Bukan segi minat. Sekarang *ni* [ini], *nak* [hendak] kata minat *tu* [itu] satu. Kita tengok kebanyakan macam zaman-zaman dulu *pun* sama juga. Bila habis belajar, kadang-kadang *tu* harap *mak bapak* [ibu bapa] yang hantar "Hei, kau pergi kolej ni masuk ni", "Kau pilih ni...masuk ni". Maksudnya,

bidang *tu* ada, orang ada, InShaAllah *lah* ada *student* [pelajar]. *And then* [selepas itu], sama ada dia *nak* teruskan atau tidak, dia sendiri minat. Ada budak juga yang masuk IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] *diorang* [mereka] *amik* [ambil] sijil, *diorang* boleh canting tapi, “Pakcik saya tak minat buat batik... abih hang masuk buat pa?”. Dia kata *mak bapak* [ibu bapa] *antag* [hantar]. *That's the problem* [itu masalahnya].

NHG : Dia atas diri sendiri?

SM : (angguk) Atas diri sendiri.

NFMA : Apakah keistimewaan bidang seni batik pada pandangan Encik Syed?  
(bunyi kenderaan)

SM : Ini satu cabang seni budaya. Jadi kita mesti menghargai *lah*. Kalau kita sendiri *tak* [tidak] menghargai batik, siapa *nak* [hendak] menghargai? Jadi, kalau kita orang Melayu *ni* [ini], apa yang kita ada? Baju melayu, baju batik. Kalau kita sendiri tak menghargai, siapa nak menghargai. Perlu kita tengok keadaan sekarang *ni* [ini] banyak yang *tak* [tidak] menghargai (bunyi kenderaan). Contoh, *pi kenduqi* [pergi kenduri] pakai baju T-shirt. Kalau *hang tak mau* [kamu tidak mahu] pakai baju melayu, pakailah baju batik. *Taknak* [tidak mahu] pakai baju batik, pakai baju melayu. *Very simple* [sangat mudah]. *Ni takde* [tidak ada]. Itu *lah* susah. Jadi bagi pakcik memang minatlah. Maknanya kita kena cintai budaya kita.

NHG : Kena *preserve* [pelihara] *lah* untuk generasi?

SM : Kena *preserve* (angguk). Kalau di Indonesia lain. Di Indonesia *really* [sangat] *diorang* [mereka] jaga. Sampai dia ada Hari Batik, Pesta Batik. Bila

Hari Batik *tu* [itu] anak dalam buaian *pun* dia pakaikan batik. *Diorang* ada pesta di bandar-bandar batik, makna seluruh pelusuk Indonesia *ni* [ini] akan turun [datang] *present* [tunjuk] *kan all their products* [semua produk mereka].

NHG : Saya sekolah menengah *dulu* [dahulu], yang dekat Jenan *ni* [ini], hari Khamis *tu* [itu] wajib Hari Batik. *So* [jadi] *kitorang* [kami] ada *lah* baju batik sekolah sendiri.

SM : Kalau kata di sekolah *tu* [itu] mungkin *diorang* [mereka] pakai batik betul, tapi kalau cikgu-cikgu mungkin pakai batik *tak* [tidak] betul. *Diorang* main beli *je* [sahaja]. Dekat Jakel ke *kat* [dekat] mana semua *tu kan ---*. *That's the problem* [itu yang masalah]. Itu yang *problem* [masalah] kita di Malaysia *ni*. Bukan kata sekarang *ni*, kalau pakcik *nak* [hendak] tunjuk gambar *pun*, KSN [Ketua Setiausaha Negara] *pun* pakai baju *tak* [tidak] betul.

NHG : Oh, boleh tahu *lah*?

SM : Dia [KSN] terkejut. Sebab masa *tu* [itu] kita ada promosi di Pekan Rabu, kebetulan ada Hari Keluarga Malaysia, dia turun, *and then* [kemudian] (bunyi kenderaan) Pengarah Kraftangan Malaysia pun ada, Puan Ainun masa *tu*. KSN *mai* [datang], saya bagitahu *kat* [dekat] dia, "Tan sri you pakai batik *tu tak* betul". "Hah? kenapa?". "Batik *tu* batik printed". Menteri *pun tak* [tidak] betul pakai. Dia pun terkejut "Ya kah?". *I got the photo* [saya ada gambar].

NFMA : *Depa* [mereka] ingat *betui* [betul] *lah*, macam batik *ori* [original] dah.

SM : Jadi, orang taktahu [tidak tahu]. Kerajaan kena bagi pendedahan. *What is*

*batik* [apa itu batik]? *Batik is a material* [batik ialah bahan] yang dibuat menggunakan tangan, menggunakan lilin, dicanting, dicetak, itu dikatakan batik. *If you put into the computer* [jika awak letak dalam komputer] - "sek sek sek" [bunyi cetak], *design* [reka bentuk] apa semua. *You print out* [Awak cetak keluar]. *That's not batik* [itu bukan batik].

NFMA : Sepanjang terlibat dalam bidang batik ini, apakah pengalaman manis yang encik Syed tidak dapat melupakan? dari umur 61 [tahun] kan terlibat sampai *la* [sekarang]? Apa yang macam paling *manih* [manis] *lah*.

SM : Paling *manih* [manis] *ni* [ini] - walaupun kita katakan *umog* [umur] 61 [tahun] terlibat dalam batik, (bunyi kenderaan) pada tahun mula *tu* [itu], pakek *pun* ada menyertai pertandingan tekstil. Tekstil ni maksudnya bukannya batik *saja* [sahaja], daripada songket, tenun, kerawang - batik dapat nombor dua. Itu yang seronok *lah*. Orang tua *pun* ada dapat anugerah alhamdulillah. Itu macam kejayaan terbesar *lah*.

NFMA : Soalan seterusnya, apakah pengalaman pahit pula yang *tak* [tidak] boleh encik Syed lupakan?

SM : *I'm always happy* [saya selalu gembira]. Susah macam mana *pun takdak* [tidak ada].

NFMA : Contoh kalau pengalaman pahit *tu* [itu] macam banyak batik rosak *ka* [ke]? *Jualan drop* [jatuh] yang sangat-sangat?

SM : Batik *ni* [ini] *takde* [tidak ada] rosak. Kalau rosak [batik] kita boleh *repair* [baiki] jadi batik lain. *Something we produce like this and then because of*

[sesuatu yang kami hasilkan seperti ini dan selepas itu disebabkan] -- kena *color* [warna] apa semua, *we can make another things* [kita boleh buat benda lain]. Sampai baju *tu* [itu] jadi batik, boleh dijual. Makna *takde* [tidak ada] benda yang rosak.

NFMA : Boleh buat balik?

SM : (angguk) Boleh buat balik. Kalau *tak* [tidak] boleh *pun* kita boleh buat produk yang lain. Ada baju, kita boleh buat produk yang lain. Makna kata (bunyi kenderaan) yang pahit tak seronok *ni* [ini] dalam segi *marketing* [pemasaran] *lah*. Kesian tengok produk-produk usahawan lain.

NHG : Sebab macam kena bergerak sendiri *kan*?

SM : Kena gerak sendiri (angguk). *Depa* [mereka] *pun takdak* [tiada] tempat *nak* [hendak] bergerak *last* [akhir] sekali tutup. Kesian tengok *tu* [itu] *lah*.

## TAMAT BAHAGIAN 5

## BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN / ANUGERAH DAN SUMBANGAN

NFMA : Memandangkan encik Syed sudah lama berkecimpung dalam bidang seni batik, apakah pencapaian dan anugerah terbesar yang pernah dicapai sepanjang terlibat dalam bidang ini?

SM : Kita pada tahun bila ya?

- NFMA : Encik Syed rasa macam *international* [antarabangsa] *ka* [ke].
- SM : *International* [antarabangsa] tak [tidak] pergi *lah*.
- NFMA : *Kot* [kalau kalau] *lah* ada yang macam kebangsaan pun *takpa* [tidak mengapa]:
- SM : Okay, yang ni [ini] kita dapat sijil pembuatan batik ni 2019 (bunyi kenderaan) (sambil menunjuk sijil yang ada). Maksudnya batik yang kita buat ni [ini] diuji *lah*. Itu siapa-siapa pun ada. Nanti *sat* [kejap] (mencari sijil). Tak fotostat, ada kat [dekat] dinding.
- NFMA : Ada yang di dinding *lah*? Okay *takpa* [tidak apa] kami tangkap *gambar* [gambar] *satgi* [sekejap lagi].
- NHG : Bolehkah encik Syed kongsi *kar* antara kejayaan yang paling encik Syed ingat *lah* dalam bidang ini? Macam kejayaan yang paling puas hati ---
- NFMA : Yang dapat nombor dua tu [itu] *ka* [ke].
- SM : Macam mana kata?
- NHG : Macam apakah pencapaian yang encik Syed paling ingat *lah*? Macam yang paling puas [hati].
- SM : Ya *lah*, yang nombor dua tu [itu]. Dapat nombor dua di pertandingan di satu



daerah, (bunyi kenderaan) satu industri di Melaka tahun bila *tak tau* [tidak tahu]. Nanti, tak [tidak] ingat. *Sat, sat, sat* (sekejap).

NFMA : *Takpa, takpa* [tidak mengapa].

SM : Ada, ada. *Tang* [di] mana duduk *taktau* [tidak tahu].

NHG : Maknanya pertandingan ni [ini] 2014 *lah*?

SM : Ya 2014, peringkat kebangsaan.

NHG : Adakah dengan menerima anugerah macam ni [ini] dapat memotivasikan lagi encik Syed dalam bidang seni batik?

SM : Ya, saya berasa amat bangga *lah*. Ini bukan pertandingan batik, yang ni [ini] pertandingan dia panggil tekstil di mana dia melibatkan batik, songket, tenun, kerawang dan di mana empat-empat bidang ni [ini] dipertandingkan.

NHG : Dalam satu? (bunyi kenderaan)

SM : Ya dalam satu dan batik dapat nombor dua. Kerawang dapat nombor satu, dapat kat [dekat] orang Melaka. Jadi saya berasa bangga *lah*, berasa bangga.

NFMA : Dia memang sangat memotivasikan *lah*?

SM : Ya, ya, ya, (sambil mengangguk). (bunyi kenderaan) Sebab apa, dia bukan dapat sijil ja [sahaja], dapat duit. *So* [jadi] ini satu motivasi untuk anak-anak muda *lah* kan. Kalau dia *involve* [terlibat] dalam ni [ini] (bunyi kenderaan) *then* [kemudian] buat betul-betul batik ni [ini] *and then* [dan kemudian] benda ni [ini] boleh pergi jauh.

NHG : Sebab bila dah [sudah] menang nombor dua ni [ini] macam orang akan kenal *lah*?

SM : Orang kenal *lah*. *Yes, yes* [Ya, ya]. Bila *you* [awak] boleh buat promosi, (bunyi kenderaan) boleh bawak *je* [sahaja] sijil ni [ini], "*You* [awak] menang ni, *you* menang ni." *And then* [dan kemudian] *diorang* [mereka] boleh tengok *kan* satu kebanggaan, satu pencapaian.

NHG : *So* [jadi], pada usia sekarang ni [ini] apakah terdapat pencapaian lagi yang pak cik inginkan? Macam nak [hendak] lagi.

SM : Saya ingat, *to me it's too high time for me to retire* [bagi saya sudah terlalu lama untuk saya bersara] *lah*.

NFMA : (bunyi kenderaan) Sampai masa untuk *retire* [bersara] *lah*?

NHG : Bagi ke anak-anak *lah*?

SM : Harap ke anak-anak *lah*. *And then to me business* [dan kemudian kepada saya perniagaan] tetap akan jalan.

NFMA : Dari segi pencapaian tu [itu] *lah*?

SM : Pencapaian tu [itu] biar kepada *diorang* [mereka] *je* [sahaja] *lah*.

NHG : Adakah terdapat perubahan yang berlaku (bunyi kenderaan) pada keluarga encik Syed disebabkan perkembangan *karier*? Macam sejak dapat ni [ini] *ka* [ke], *depa* [mereka] macam lagi *support* [sokong] *ka* [ke]?

SM : Masa tu [itu] *diorang* [mereka] dengan sekolah lagi. (bunyi kenderaan) *So* [jadi], macam mana ya? Anak-anak memang *support* [sokong] *lah*. *Support* dari segi moral pun *support* *lah*. Sebab masa 2014 ni [ini].

NFMA : Umur berapa?

SM : Umur 62 tahun.

- NFMA : Baru *jugak* [juga] *lah*. Kiranya macam pak Syed *kan* baru 61 [tahun] baru masuk, lepas tu [itu] terus dah [sudah] dapat pencapaian terbaik?
- SM : Masa tu [itu] agresif. Masa tu muda lagi. Masih muda baru *start* [mula]. Semangat masih kuat. *Kat* [dekat] mana pun pergi. (bunyi kenderaan) Tapi kalau *you* [awak] tak [tidak] cuba masuk, *you don't know you* [awak tidak tahu awak] tahap mana *kan*? Kalah *takpa* [tidak apa], *at least* [sekurang-kurangnya] ---
- NHG : Janji ada *experience* [pengalaman].
- SM : Ya janji ada *experience*. Begitulah. (bunyi kenderaan) Bukan setakat tu [itu] saja [sahaja], dan yang puas hati tu [itu] sebab kerajaan negeri pun biasa pilih 3S Batik Village ni [ini] pergi ke Nation Fest di Singapore, 2017. Kita pergi ke sana buat jualan di Nation Fest. *All support by* [semua dihanggung oleh] kerajaan negeri Kedah.
- NHG : *Pi* [pergi] ramai-ramai setiap negeri?
- SM : (bunyi kenderaan) *No* [tidak], takda [tidak ada]. Dia pilih *ja* [sahaja], dia batik ni [ini] *sorang* [seorang] *ja* [sahaja]. Ada *lah* dalam bidang lain beberapa orang lagi *lah*. Mungkin ada bawah sepuluh [10] orang lagu [macam] tu [itu] *lah*. Tapi batik *sorang* [seorang] *je* [sahaja] *lah*.

- NFMA : Macam pak cik *pi* [pergi] tu [itu] keluarga ikut sekali *ka* [ke]? (bunyi kenderaan)
- SM : Pergi dengan anak *lah*. *Because* [sebab] semua di bayar oleh kerajaan. Kalau bawa lebih, kena bayar lebih *lah* (ketawa).
- NHG : Macam pak cik cakap tadi *kan*, *kan* ada persatuan *kan*? Pernah tak [tidak] pak cik bekerjasama dengan sesiapa yang berkaitan dalam bidang ni [ini]?
- NFMA : Buat *collaboration* [kerjasama] dengan siapa-siapa *ka* [ke]?
- SM : Kita gunakan persatuan kita ni [ini] untuk buat promosi. Masa kata *kan*, contoh di Pekan Rabu kita buat. Sebab di Pekan Rabu tu [itu] kalau kita ambil satu blok besar *and then* [dan kemudian] kalau kata usahawan Kedah tak [tidak] cukup kita (bunyi kenderaan) akan panggil persatuan daripada Perlis *ka* [ke], di mana-mana *ka* untuk datang *support* [sokong] meniaga *lah*. Dan *diorang* [mereka] pun sana sama juga, kalau kata ada *booth-booth* [gerai-gerai] kosong *diorang* [mereka] akan panggil persatuan Kedah untuk pergi. Jaringan perniagaan tu [itu] ada *lah*.
- NHG : Bagaimanakah penerimaan orang luar semasa bekerjasama dengan pakcik dalam bidang seni batik ini? (bunyi kenderaan) Macam semua *support* [sokong] *lah kan*? Jaringan antara setiap negeri tu [itu].
- SM : Persaingan tak [tidak] ada masalah apa-apa. Sebab apa, kita pergi tu [itu]

*diorang* [mereka] pun ada *business* [perniagaan] *diorang* [mereka]. Walaupun kita kata di sini pun ada batik, di sana pun ada batik. (bunyi kenderaan) Dalam segi orang kata persaingan tu *takda* [tidak ada]. *Because they know that they are doing business, I'm also doing business* [kerana mereka tahu bahawa mereka menjalankan perniagaan, saya juga menjalankan perniagaan]. Persatuan kita pun orang meniaga, persatuan *diorang* pun orang meniaga. Kalau *diorang* jemput kita *takda* [tidak ada] *lah* apa-apa *kan*. *If not* [kalau tidak], kalau dia tak [tidak] puas hati mesti *lah* dia tak [tidak] jemput kita. Begitu. So [jadi] macam kita *jugak* [juga]; kalau kita jemput *diorang* tu dia *open hearted* [hati terbuka]. Kita tak [tidak] kisah, walaupun *you* [awak] meniaga batik, *I* [saya] meniaga batik, dia *takda* [tidak ada]. Dia masing-masing punya rezeki. Walaupun sama bidang, dia reka lain, pak cik reka lain. (bunyi kenderaan) Kita kena ada *attitude* [sikap] yang macam tu [itu].

**NFMA** : *Maaknanya penerimaan pun baguih (bagus) lah?*

**SM** : Penerimaan okay, *takda* [tidak ada] masalah.

**NHG** : Adakah pak cik mempunyai projek terkini? Macam masa sekarang *kan* ada *lah design* [reka bentuk] batik yang perlu pak cik lakukan? Boleh kongsi *kan* serba sedikit?

**SM** : *Tulah* [itulah]. (bunyi kenderaan) Lepas ni [ini] cadang *nak* [hendak] buat batik *clay* [tanah liat] *lah*. (bunyi kenderaan) Tengah rekakan dia punya motif-motif blok tu [itu].

NFMA : Untuk *clay* [tanah liat]?

SM : Untuk *clay* [tanah liat]. Tengah rekakan *lah*. Sekarang pun tengah memikirkan juga. Ada *lah* reka bentuk dia. Tak [tidak] boleh cerita lagi *lah*. *That was a secret* [itu adalah rahsia].

NFMA : Pak cik *sorang* [seorang] *ja* [sahaja] *ka* [ke] ataupun macam idea (sama-sama)?

SM : Dia *sorang-sorang* [seorang-seorang] *ja* [sahaja]. Dia kalau kata kadang-kadang bila idea blok ni [ini] kalau kita kata *expose* [dedahkan] (bunyi kenderaan) kepada kawan-kawan pun tak [tidak] boleh juga. Biar kita siap dulu baru boleh.

NHG : *Work in silence* [kerja dalam diam]?

SM : *Yes* [ya]. Baru boleh. Bila kita buat tu [itu] *diorang* [mereka] (bunyi kenderaan) *takkan* [tidak akan] ikut kita *pulak* [pula] sebab dia kata “Ouh, pak cik, Syed dah [sudah] buat dah [sudah]! Aku *nak* [hendak] buat kenapa *pulak* [pula]?” Sebab benda yang sama *kan? They have to find their own design* [mereka perlu mencari reka bentuk mereka sendiri]. *I got in my mind already* [Saya sudah ada dalam fikiran saya]. Bukan kata motif dalam Malaysia ni [ini], motif luar ni [ini] *nak* [hendak] buat ni [ini]. InShaaAllah dah [sudah] ada dah [sudah].

NHG : (bunyi kenderaan) Akan siap *by the end of* [menjelang hujung tahun] ni [ini] *ka* [ke]?

SM : *Yes* [ya]. *By this year* [menjelang tahun ini] kita akan buat.

NHG : Apakah sumbangan yang pak cik dapat berikan (bunyi kenderaan) sepanjang penghasilan batik ni [ini] kepada masyarakat setempat? Macam orang lebih kenal *ka* [ke]?

SM : Dia kita memang terbuka dan kita pun mengalu-alukan kalau mana-mana yang walaupun *diorang* [mereka] *taktau* [tidak tahu] buat batik pun. *They can come and* [mereka boleh datang dan] kat [dekat] sini *as a helper* [sebagai pembantu]. *Not only* [bukan hanya] orang yang *tau* [tahu] batik saja [sahaja] boleh buat kerja. (bunyi kenderaan) *Helper* [pembantu] kena ada. Nak [hendak] basuh kain, nak berus kain, *you know* [awak tahu]?

NFMA : Memang terbuka *lah*? Memang mengalu-alukan *sapa-sapa* [siapa-siapa] yang *nak* [hendak] *mai* [datang]?

SM : Ada, ada. Ada orang luar datang, ada. Kalau ada persatuan *diorang* [mereka] pun, datang nak [hendak] belajar batik kita boleh ajarkan *diorang*. Kita terbuka *lah*, terbuka.



- NFMA : Sumbangan encik tu [itu] macam boleh bagi *knowledge* [pengetahuan] *lah* kepada *sapa-sapa* [siapa-siapa]?
- SM : Boleh, boleh, boleh. Tapi kraftangan sendiri pun dia ada komuniti. Tapi di sini ni [ini] dulu patut *diorang* [mereka] ambil juga jadi komuniti. Tapi *diorang* bagi kepada yang lain-lain dulu *lah*, nak [hendak] bantu-bantu yang lain-lain dulu. (bunyi kenderaan)
- NHG : Sebab *haritu* [hari itu] *kan* masa pergi IKN [Institut Kraftangan Negara] tu [itu], dekat situ *lah* yang *receptionist* [penyambut tetamu] tu [itu] cakap kalau nak [hendak] temuramah yang *kat* [dekat] belakang tu. Mungkin *students* [pelajar], ada bengkel *kat* belakang tu.
- SM : Ya bengkel. *Diorang* [mereka] tu [itu] baru *ja* [sahaja], baru grad.
- NHG : Dia akan dapat sijil *lah*?
- SM : *No, no, no* [tidak, tidak, tidak]. *Diorang* [mereka] tu [itu] inkubator. *Diorang* tu [itu] grad dari IKN [Institut Kraftangan Negara] tu [itu]. Semua ada diploma. *Diorang* mahir-mahir semua. Tapi itulah [itulah], *diorang* tu boleh membuat batik tapi dari segi perniagaan *diorang* tak [tidak] pandai lagi. Tapi *takpa* [tidak mengapa] *lah* sebab pak cik tengah didik *diorang lah*. “*Hampa* [kamu] buat saja *lah*, nanti pak cik cari tempat”. Untuk nak [hendak] pameran *diorang* punya produk tu [itu]. (bunyi kenderaan) *Sometimes* [kadang-kadang] pak cik pergi *kat* [dekat] *diorang jugak* [juga]. Kalau kata pak cik ada kerja lebih-lebih, pak cik bagi dekat *diorang* saja. Tolong blok-

blok *kan* di sini, kalau *takdan* [tidak sempat] pun bagi *ja* [sahaja]. *Diorang* tu memang mahir membuat batik. Tapi *diorang* bukan usahawan-usahawan lagi. *Diorang* baru nak [hendak] jadi usahawan. Sebab tu kita perlu bimbing *lah*.

**NFMA** : *Diorang* [mereka] tu [itu] pembuat batik dah [sudah] *lah*?

**SM** : Ya *diorang* [mereka] *consider* [dikatakan] sebagai pembuat batik dah [sudah]. Sebab *diorang* dah [sudah] grad. Dan *diorang* tu [itu] ada dah Diploma budak-budak tu. *Diorang* belajar tiga tahun dengan Institut Kraftangan Negara (IKN) tu. (bunyi kenderaan) *Diorang* canting cantik. Canting tiga tahun belajar.

**NHG** : Memang ada *experience* [pengalaman] *lah*?

**SM** : Memang *experience* [berpengalaman] *lah*. Tapi dari segi perniagaan ni [ini] pak cik kena bantu *diorang* [mereka] *lah*. Carikan tempat, produk. Tapi, mana-mana *you can take my product* [awak boleh ambil produk saya] pergi jual, boleh. Itu satu jaringan daripada kita punya persatuan *lah*. *Because they are incubator* [sebab mereka adalah inkubator], (bunyi kenderaan) modal ada banyak mana sangat *kan*? *So* [jadi] kita sebagai persatuan ni [ini], *we can help them* [kita boleh tolong mereka]. *You take my product, you go and sell* [awak ambil produk saya, awak pergi dan jual]. *Tu ja* [itu sahaja].

- NHG : Pak cik pernah pergi *lah* IKN [Institut Kraftangan Negara]?
- SM : Pernah, selalu pergi. Tu [itu] bukan IKN, tu kraftangan. IKN di Rawang, yang ni [ini] kraftangan. Selalu pergi. Selalu kalau tak [tidak] pergi *diorang* [mereka] panggil-panggil nanti. Pengerusi persatuan, takkan [tidak akan] tak *pi* [tidak pergi]. (bunyi kenderaan) Kena panggil, selalu bincang.
- NFMA : Kalau *discuss* [bincang], *meeting* [mesyuarat] *ka* [ke] apa kat [dekat] sana?
- SM : Ya *diorang* [mereka] akan panggil *lah*. Kalau apa-apa kraftangan nak [hendak] buat aktiviti pun *diorang* [mereka] akan panggil.
- NFMA : Yang *suggest* pak cik ni [ini], Faiz.
- SM : Faiz? (ketawa)
- NFMA : Dia perkenalkan *jugak* [juga], *kan* ada barang Pak Syed dekat sana.
- SM : Betul, betul, betul (sambil mengangguk). Ingatkan jumpa bos atas.
- NFMA : *Takda* [tidak ada].

TAMAT BAHAGIAN 6

## BAHAGIAN 7: PENDAPAT/ PANDANGAN/ NASIHAT

**NFMA** : Sebagai seorang yang amat mencintai, amat suka bidang seni batik ini, apakah perkara penting yang Encik Syed (bunyi kenderaan) mahu orang lain tahu mengenai bidang batik ini?

**SM** : Untuk orang mencintai batik (bunyi kenderaan) - macam fahamkan - pihak media mengambil peranan yang paling besar *lah*. Pentingnya, yang pertamanya mengenalkan apa itu batik.

**NFMA** : **Kenal batik?**

**SM** : Kenal batik. Bila kenal batik *ni* [ini] baru *diorang* [mereka] dapat menilai batik yang sebenar, batik yang *tak* [tidak] benar. Batik tulen ataupun *tak*. *So* [jadi] bila *dah* [sudah] kenal *tu* [itu] baru *diorang* dapat membezakan antara batik Malaysia *ni* [ini] atau dengan batik digital. Batik digital *ni* pakai digital *lah*. Dia *print* [cetak]. Daripada situ baru ada kecintaan masing-masing. Kalau macam pakcik sendiri *pun* kalau kata *nak* [hendak] suruh pakai batik yang di print *ni* pun *takkan* [tidak akan] pakai. *I won't wear* [saya tidak akan pakai]. *Because that is not batik. Why I want to cheat myself? Because we know that batik is, what is batik* [kerana itu bukan batik. Kenapa saya mahu menipu diri sendiri? Kerana kita tahu bahawa batik itu adalah batik]. Jadi pihak kerajaan ataupun pihak media mesti mendedahkan supaya orang ramai lebih faham apa itu batik. Bukan kata corak *ja* [sahaja] banyak. Corak, - batik *dah* [sudah]. *That's not batik* [itu bukan batik]. Kena *bagitau* [beritahu] apa itu batik. *And then* [dan kemudian] bila kita cinta, kita *nak* memartabatkan batik, kita sendiri kena gunapakai. Ibaratlah kita katakan, kita jual nasi lemak, "Eh saya tak makan nasi lemak". *So* [jadi] macam mana? (bunyi kenderaan) Serupa *lah* macam kita *ni* peminat batik, dan juga pembuat batik. Kalau kita sendiri *tak* pakai, *tak* tunjuk kepada orang ramai, macam mana orang *nak* menilai *kan* batik. Jadi bagi pakcik, kita sebagai

orang Malaysia, bukan kata orang Melayu sahaja, kita mesti mengguna ataupun memakai pakaian batik di tempat-tempat tertentu *lah*. *Sebenangnya* [sebenarnya], kalau di Indonesia, hari-hari dia pakai. Kena tengok pakcik-pakcik *duk* [duduk] kedai kopi, pakai kopiah - pakai kain - pakai batik.

**NFMA** : Orang *Indon* [Indonesia]?

**SM** : (angguk) Orang *Indon*. Tapi kita *takpalah* [tidak mengapalah] kalau *tak* [tidak] pakai baju batik. Kalau *gi* [pergi] kenduri kendara ke - jadi pakcik-sarankan kita sama-sama pakai batik.

**NFMA** : Perkara pentingnya adalah pengetahuan batik *tu* [itu] *lah*. Kena bagi pendedahan.

**SM** : Kena bagi pendedahan (angguk) apa itu batik.

**NHG** : Kita *lah* kena tunjuk.

**SM** : Kita kena tunjuk *lah* (angguk). Pihak kerajaan *lah* kena *main* [bertindak] media. Macam kita *ni* [ini] boleh bercakap *jelah* [sahaja *lah*].

**NFMA** : Soalan seterusnya, adakah umur menjadi penghalang untuk Encik Syed bergiat aktif dalam bidang batik ini?

**SM** : *Sebenangnya* [sebenarnya] kalau orang meniaga dia *takde* [tidak ada] umur. Tambah *ni* [ini] pula kena bidang kraf *ni* adalah satu bidang seni yang kita minat. Sebenarnya *takde* umur. Maknanya kalau selagi hayat di kandung badan, selagi *tulah* [itulah] kita cuba pertahankan batik *lah*.

NHG : Sebagai seorang yang arif *kan* tentang bidang *ni* [ini], pakcik *dah* [sudah] ada banyak pengalaman, dari awal lagi, apakah pandangan Encik Syed terhadap seni batik pada masa ini? Seperti yang encik cerita tadi *kan*, macam bidang promosi *tu* [itu] (bunyi kenderaan) sangat rendah macam *tak* [tidak] ramai orang *promote* [promosi].

SM : Okay kalau kita tengok keadaan semasa *ni* [ini] *kan* memang daripada dulu lagi, daripada zaman Perdana Menteri Abdullah Badawi, *lepas* [selepas itu] Ismail Sabri [Dato' Ismail Sabri] – Najib [Dato' Seri Najib]. Masa Sabri *ni* kita tengok, semasa tiap-tiap kali dia buat *announcement* [pengumuman] berkenaan dengan COVID [Coronavirus Disease], dia selalu pakai batik. Dan batik dia selalu bertukar-tukar. Jadi disitu kita nampak batik *ni* akan diketengahkan *lah*. Kemudian, kita harap pihak yang berwajib *tak* [tidak ada] orang lain, pihak yang besar, sebab batik *ni* satu agenda yang besar. Bukan agenda yang main-main di kampung *saja* [sahaja]. Pakcik ada jumpa *dah* [sudah] dengan kraftangan pengarah ke - dengan KSN [Ketua Setiausaha Negara] *pun* memang satu agenda yang besar. Jadi untuk *nak* [hendak] capai matlamat dia *ni*, yang pertamanya, kerajaan *dah* *pun* mewajibkan hari Khamis pakai batik. Tetapi dia tidak memakai batik tulen. Dia memakaikan batik-batik yang di *print* [cetak]. Benda *ni* pakcik telah pun ajukan atau memaklumkan kepada KSN *tu* sendiri. Macam mana kita boleh amik [ambil] tindakan kepada pegawai-pegawai yang tidak memakai batik tulen. Dia kata *tak* [tidak] boleh - sebab apa, pihak kerajaan menggalakkan bukannya mewajibkan. Jadi, macam mana pun pakcik mengharapkan pihak atasan kena membuatkan satu kajian yang terperinci *lah*. Bagaimana kita nak membolehkan bahawa sekurang-kurangnya staf kerajaan pada hari Khamis *tu* [itu] pakai batik. Betul- betul pakai batik. Itu sahaja agak yang boleh kita *nak* mempertahankan ataupun kita *nak* memartabatkan batik di Malaysia *ni*. Dan kita sebagai orang awam, macam mana *pun* pakcik sarankan macam tadi *lah*, hari kenduri pakailah batik, hari-hari rasmi pakailah batik, *tak* [tidak mahu] pakai batik pakai baju Melayu, jangan pakai baju T-shirt.

NHG : Tapi yang saya tahu (bunyi kenderaan) selalu bila kita *grad* [graduasi] *kan*, untuk ibu bapa yang *nak* [hendak] masuk dalam dewan *tu* [itu] memang diwajibkan batik.

SM : *Betui* [betul] (angguk).

NHG : Macam *okay* [baik] *lah* masih ada orang yang *nak* [hendak] pergi *ni* [ini] kena pakai batik. Cuma kenduri *tu* [itu] *takleh* [tidak boleh] *nak* buat apa.

SM : Ya betul. Ibu bapa *pun* sama juga. Dia kata bila *grad* [graduasi] bapa kena pakai batik, *bapak pi* [ayah pergi] beli batik dekat pasar raya. Bagaimana kita *nak* [hendak] memastikan bahawa ---. Macam mana ya kita *nak* *control* [kawal] *pun tak* [tidak] boleh. Sebab *tu* beberapa kali kita *dah* [sudah] bincangkan *tak* [tidak] bagi *diorang* [mereka] import kain-kain macam *ni*, bercorak macam *ni pun tak* [tidak] boleh. *Takdak* [tidak ada] satu benda yang digazetkan atau satu yang diwartakan. "Corak macam *ni* *takleh* masuk". *Tak* [tidak] ada. Semua orang boleh bawak masuk. *So* [jadi] cuma kita mengharapkan kepada orang ramai *ni* [ini] kena prihatin *lah*. Cuba cintakan kraf. Bukan batik, kraf *ni* makna luas *lah* sudut dia. *Takmau* [tidak mahu] pakai batik, pakai songket, *takmau* pakai songket, pakai kerawang - orang perempuan, *betui dak* [betul tak]? Begitulah. Kalau kata baju *ni* --- Ada itu hari masa saya *juai* [jual] dekat situ *diorang* *nak grad* anak dia *mai* [datang] beli baju kurung Kedah batik. Ada budak *nak grad* dekat UUM *tu* [itu]. *Okay* [baik] *lah*. *So* ada yang faham *tu* dia beli *lah* batik betul yang *tak* faham *tu*, "Takpayah *lah*. Kita beli dekat pasaraya sudah". *So*, macam mana ya? Satu badan kena main peranan *lah* untuk selalu menceritakan hal kraf *ni lah*.

NHG : Kadang-kadang yang *juai* [jual] dekat pasar raya *pun* dia akan cakap “Oh ni [ini] batik betul”.

SM : Betul *tu* [itu]! (angguk).

NHG : Kita *pun takde* [tidak ada] pengetahuan.

SM : *Takde* pengetahuan. Beli *je* [sahaja]. Nampak macam kain sutera, *juai* [jual] baru 160 ringgit, mana ada. Kain sutera satu elar *pun* - satu meter *pun* 40 ringgit kain putih. Kalau empat dah 160 ringgit. Belum masuk *color* [warna] lagi. Dia beli *dah* [sudah] siap baru 160 ringgit. *So that is not* [jadi itu bukan] batik. Bukannya sutera.

NFMA : Apakah yang diperlukan oleh seseorang (bunyi kenderaan) untuk menghasilkan seni batik yang terbaik? Adakah minat atau bakatnya? Atau perkara lain? Macam pengetahuan *ka* [ke]? Apa yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu batik.

NHG : Macam *tak* [tidak] semua orang boleh buat.

SM : *Betui* [betul]. Apa nama ni kita tengok sekarang *ni* [ini] *taklah* [tidaklah] susah sangat *nak* [hendak] buat batik sebab kerajaan telah *pun* menyediakan beberapa institut atau beberapa kolej dalam bidang kraf batik *ni*. Jadi yang pentingnya *tu* [itu] ilmu *lah*. Ilmu, minat, baru *lah* minat batik *ni* dapat dibuat dengan sebaik mungkin *lah*.



NFMA : Seterusnya, pada pandangan Encik Syed, apakah kriteria utama untuk menjadi seorang pelukis batik?

SM : Kena minat *lah*. Kadang-kadang *tak* [tidak] masuk kolej *pun*, tapi dia minat batik. Ada yang *mai* [datang] di sini dia belajar, dia boleh buat. Minat *lah*.

NFMA : Seterusnya, apakah pendapat Encik Syed mengenai anak-anak muda yang menganggap seni batik ini tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya?

SM : Bagi pakcik *nak* [hendak] kata anggapan *diorang* [mereka] [anak-anak muda] *tak* [tidak] betul *pun* betul juga. *Nak* kata *tak* betul *pun*, *tak* betul juga. Sebab anak-anak muda *ni* [ini], katakan *diorang ni* tidak menceburi batik *lah* - *diorang ni layman* [orang awam]. Kemudian *diorang nak* tengok baju batik *ni kan*. *Diorang takkan* [tidak akan] beli, *takkan* pakai *kan*? Sebab *diorang tak* [tidak] kenal batik. Lagi pula batik ni satu ---. Sesetengah *diorang* kata “Eh mahai [mahal] sangat”. Walaupun *cotton* [kapas] 80 ringgit, dia [anak-anak muda] kata dia beli T-shirt baru 20 ringgit. Itu masalah dengan anak-anak muda *ni kan*. Sebab yang pentingnya bagi *diorang* mengenali batik. Cinta kraf batik kita *ni* [itu] dul, baru kita boleh buka minda *diorang*. Kalau tidak *tak* [tidak] boleh pergi - bukan kata anak-anak muda, kalau orang tua sekalipun sama juga dia kata “Tak payah *lah*. Mahai sangatlah. Pakai baju biasa sudahlah”. Maknanya kena ---

NFMA : Kena ada rasa cinta *tu* [itu]?

SM : Kena rasa cinta (angguk). Macam mana *pun* kena bagi anak-anak muda, rakyat Malaysia *ni* [ini] mengenal batik, baru kita boleh mempertahankan martabat batik kita. Kalau tidak, *tak* [tidak] boleh.

NFMA : Dan boleh dijadikan sebagai kerjaya sebenarnya?

SM : Kalau *dah* [sudah] kata semua minat, dia boleh jadi satu kerjaya *lah*. Minda rakyat Malaysia *ni* [ini] kalau *tak* [tidak] ada pendedahan awal, *tak* boleh cari makan. *Tak* boleh jadi satu kerjaya. Dia kata “Aku buat, cemana aku nak jual?”. Tapi di Indonesia *different* [lain]. Orang biasa ke apa buat batik *ni* sampai kaya ke Amerika - ke mana-mana semua.

NFMA : Seterusnya, untuk mengekalkan momentum dan semangat dalam bidang batik ini tidaklah mudah betul *tak* [tidak], jadi apakah nasihat yang encik *nak* [hendak] sampaikan?

NHG : Pada orang yang awal-awal *ja* [sahaja] minat. *Last-last* [akhir-akhir] *tu* [itu] macam, contoh *lah* kalau *dah* [sudah] *tak* [tidak] laku [jualan] ke apa.

NFMA : Dia [pembuat batik] *dah* [sudah] *down* [jatuh semangat]. *Pastu* [selepas itu] dia terus macam *takpalah* [tidak mengapa lah] batik ini.

SM : Susah *ni* [ini] (ketawa)

NFMA : Nasihat encik?

SM : *Nak* [hendak] nasihat macam mana ya? (ketawa) Sebab pakcik *pun* susah juga bidang *ni* [ini] *kan*. Macam mana tadi?

NFMA : Dia macam untuk kekalkan momentum dan semangat dalam bidang batik ini. Pakcik *nak* [hendak] nasihatkan macam mana kalau ada orang yang tiba-tiba dia *down* [jatuh semangat] *ka* [ke] *kan*. *Pastu* [selepas itu] dia rasa *cam* [macam] *takpalah* [tidak mengapa] batik *ni* [ini].

SM : Susah *nak* [hendak] cakap. Sebab *duk* [duduk] dalam bidang *ni* [ini] memang susah. Kadang-kadang kita tengok *diorang* [mereka] [pembuat batik] pun kesian. *Nak* [hendak] suruh dia teruskan *pun* ---

NFMA : Tak sampai hati?

NHG : Ikut kemampuan diri sendiri *je* [sahaja]?

SM : (angguk) Ikut kemampuan. Produk batik *ni* [ini] sebenarnya bukan dari segi pakaian saja, kalau *you cannot do a big product you do small product* [kamu tidak boleh melakukan produk besar kamu boleh buat produk kecil]. Tapi berasal *kan* batik juga. Pakcik *pun* ada nasihat dekat inkubator-inkubator *tu* [itu] *kan*, "Kalau *hang* [kamu] *tak* [tidak] boleh buat kain baju jual ---". Sebab kain baju *ni* [ini] kita tengok dua helai setengah atau *pun* dua meter, dua meter setengah ---. *Nak* [hendak] siapkan dua meter setengah, sekian [beberapa] ringgit. Kalau dia *nak* pergi jual *kan*, bukan *nak* buat 20 helai. *Nak bayaq* [bayar] tapak *pun* sampai tujuh, lapan ratus. Kalau 20 helai dapat untung tujuh, lapan ratus? *Tak* [tidak] ada. *So* [jadi] pakcik nasihatkan *diorang* [mereka] *ni* [ini] buat batik tapi produk kecik-kecik [kecil-kecil]. Maknanya buat *soft toy* [anak patung] *ka* [ke] - buat cekak rambut ke. *So* benda *ni* bagi pakcik kalau kata, orang yang boleh buat dalam bidang batik *ni*, *he cannot do big product, do small product* [dia tidak boleh buat produk besar, buat produk kecil].

NHG : Macam *purse* [dompet] kecil-kecil [kecil-kecil] ke?

SM : (angguk) *Purse kecil-kecil*. Supaya batik *ni* [ini] *tak* [tidak] tenggelam dek zaman *lah*.

NFMA : Seterusnya, apakah pendapat Encik Syed terhadap Seni Batik Malaysia di negara kita? Macam mana tahap seni batik *kat* [dekat] Malaysia?

SM : Kalau kita tengok dalam segi *finishing* [kemasan] [batik] Malaysia sekarang boleh kata yang terbaik *lah*. Sebab Indonesia walaupun *dah* [sudah] lama, tapi *diorang* [mereka] masih lagi mencantingkan batik-batik menggunakan bunga-bunga yang kecil-kecil *gitu* [begitu], dan juga dia punya *color* [warna] *pun tak* [tidak] banyak. Dia kebanyakannya *color brown* [warna coklat] *je* [sahaja]. Tapi kita *ni* [ini] *sebenaqnya* [sebenarnya] *pun dah* [sudah] hebat. Kalau *nak* [hendak] kata hebat *ni*, kita lebih hebat dari Indonesia lagi.

NFMA : Cuma kita *tak* [tidak] memartabatkan *ja* [sahaja]?

SM : Penggunaan *tu* [itu] *tak ada* [tidak ada]. Kurang.

NHG : Warna [batik] *dah* [sudah] banyak?

SM : Banyak, cantik. Kadang-kadang Malaysia *ni* [ini] *tak* [tidak] berapa banyak sangat. Dia [corak batik] ada lebih kurang *ja* [sahaja] (batuk). Kalau kita *compare* [bandingkan] dengan batik Malaysia, lebih cantik daripada batik Indonesia. Kadang-kadang *nak* jawab pun pening. (ketawa)

NFMA : (ketawa) Pendapat Encik Syed macam puas hati *gak* [juga] *lah*.

SM : *Okay* [baik] (angguk).

NFMA : Seterusnya, apakah harapan Encik Syed terhadap Seni Batik Malaysia? Macam tadi, Encik Syed ada *bagitau* [beritahu] yang pasal pakaian batik setiap hari Khamis *tu* [itu]. Macam kalau boleh guna *lah* batik yang betul-betul.

SM : Batik tulen?

NFMA : Batik tulen (angguk). Ke ada harapan selain daripada *tu* [itu]?

SM : Memanglah harapan *tu* [itu] - bagi kita pembuat batik *ni* [ini], kita mengharap *lah* (bunyi kenderaan) media main peranan penting. Sekali lagi, media main peranan penting dan juga rakyat *pun* mesti ada kesedaran. Kalau kata kita *tak* [tidak] mempertahankan budaya kita, siapa *nak* [hendak] pertahankan budaya kita. Itu sahaja penting. Kalau kita *tak* dapat pertahankan budaya kita, maknanya budaya kita akan habis. Batik *pun* habis. Jadi kesedaran *tu* [itu] kita mengharap masing-masing *pun* kena ada kesedaran *lah*. Pihak atasan hingga ke bawah-bawah.

NFMA : Soalan yang terakhir, apakah nasihat yang boleh Encik Syed berikan kepada generasi sekarang yang berminat dan ingin ceburi bidang seni batik?

SM : Pakcik harap kita dapat buat pendedahan daripada awal *lah*. Kita *pun* ada buat saranan supaya pendedahan batik *ni* [ini] (bunyi kenderaan) dibuat daripada peringkat sekolah. Jangan kata panggil *diorang* [mereka] [pelajar

sekolah] buat batik *tu* [itu] saja [sahaja]. Makna kata, tanamkan semangat *diorang ni* untuk menggunakan batik *kan*. Kalau boleh biarlah satu hari *tu* [itu] budak sekolah pakai batik, supaya kita tanamkan ---. Kalau kita cakap *saja pun* --- *pasaipa* [pasal apa], bukan kata *takdak* [tidak ada] seni batik, macam *diorang* amik [ambil] *exam* [peperiksaan] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] *pun diorang* ada juga datang ke sini belajar macam mana *nak* [hendak] buat batik. *Diorang pun tak* [tidak] *reti* [pandai] buat [batik] kadang kata tolong nak bagi lulus *paper* [kertas] *tu je* [itu sahaja]. *So* [jadi], ini *tak* berapa *nak* kena *lah kan*. Bagi pak cik, pak cik mengharapkan kita dedahkan daripada peringkat awal. Kalau boleh biar satu hari *student* [pelajar] semua pakai batik. Itu *saja* [sahaja].

NFMA : Kalau nasihat pak cik untuk budak-budak muda, macam kenali *lah* batik?

SM : (angguk) Kita daripada budak-budak *ni* [ini] kita *dah* [sudah] dedahkan daripada awal, saya ingat InShaAllah *diorang* [mereka] boleh minat batik. Kita kena bagi [pendedahan batik] ke *diorang*. Sebab *diorang ni* orang muda. Orang muda *ni* kadang fikiran *diorang tak* [tidak] berapa matang. Kalau ibu bapa atau pihak yang tertentu (bunyi kenderaan) tidak mendedahkan kepada *diorang* awal, *diorang takkan* [tidak akan] dapat ingat.

NFMA : *Takkan* [tidak akan] ingat (angguk). *Tak tau* [tidak tahu] *pun*.

SM : (mengiyakan) *Tak tau* [tidak tahu]. Kalau kata dekat kolej *pun tak* [tidak] pakai, dekat sekolah *tak* pakai, *nak* [hendak] kerja - *nak* pakai? "Buat apa?" dia [budak-budak muda] kata *kan*? *Lepastu* [selepas itu] buat apa *nak habih* [habis] *kan* duit banyak, beli baju murah-murah *pun* jadilah asalkan lepas daripada ambil tindakan. Itu sangat *tak* [tidak] kena *lah*. Saya ingat lebih

baik kalau daripada peringkat sekolah lagi kita dedahkan supaya budak-budak sekolah *ni* [ini] pakai batik daripada *awai* [awal]. Saya ingat pupuk boleh *lah*. Kalau tidak - *taktahu* [tidak tahu]. Wallahualam (ketawa).

#### TAMAT BAHAGIAN 7

Dengan ini tamatlah sesi temubual dan rakaman yang mengisahkan tentang pengalaman dan sumbangan Encik Syed Mahmud bin Syed Ibrahim dimana beliau adalah pembuat dan usahawan batik di negeri Kedah. Kami mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbangkan kepada perkembangan ilmu dalam bidang Seni Batik para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# RUJUKAN



## RUJUKAN

### SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
EIT	Engineering Institute Technology
CNS	Converged Network System
KL	Kuala Lumpur
MD	Managing Director
QS	Quantity Survey
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RnD	Research and Development
UiTM	Universiti Teknologi MARA
HQ	Head Quarter
IT	Information Technology
AutoCAD	Computer-Aided Design
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKN	Institut Kemahiran Negara
TV	Televisyen
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
DIY	Do It Yourself
KSN	Ketua Setiausaha Negara
UUM	Universiti Utara Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

## RUJUKAN KATA

oqang	orang
belajaq	belajar
tu	itu
ni	ini
tak	tidak
nak	hendak
dah	sudah
mai	datang
awai	awal
takda	tidak ada
je / ja / saja	sahaja
kat / tang	dekat
reti	pandai
tinggai	tinggal
pastu / lepastu	selepas itu
asai	asal
ka	ke
lepas	selepas
qeja	kerja
paham	faham
umog	umur
sendiqi	sendiri

duk	selalu
diorang / depa	mereka
jugak	juga
lagu tu	macam itu
kapit	tekan
besaq	besar
gitu	begitu
takpa	tidak apa / tidak mengapa
sorang	seorang
takkan	tidak akan
satgi	sekejap lagi
takmau	tidak mahu
cincai	lebih kurang
pulak	pula
pi	pergi
sabaq	sabar
awai	awal
sapa	siapa
korang	kamu semua
taktau	tidak tahu
besor	besar
kecik	kecil
mak bapak	ibu bapa

antaq	hantar
habih	habis
kenduqi	kenduri
dulu	dahulu
kitorang	kami
betui	betul
la	sekarang
manih	manis
gambaq	gambar
tang	di
baguih	bagus
haritu	hari itu
hampa	kamu
takdan	tidak sempat
sebenaqnya	sebenarnya
gi	pergi
tulah	itulah
amik	ambil
taknak	tidak mahu
takleh	tidak boleh
juai	jual
mahai	mahal
bayaq	bayar

# LAMPIRAN

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nuraina Firzani Binti Mohd Azahani dan Nurul Hafeeza Binti Ghazali mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang seniman dalam bidang seni batik. Temubual ini dijalankan pada tarikh 30 Mei 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada jam 10.24 pagi bertempat di pejabat urusan 3S Batik Village di Jitra, Kedah. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui latar belakang dan pengalaman hidup sebagai pembuat dan usahawan batik yang hebat.

Hasil daripada temubual ini akan dibukukan, disimpan dan dipamerkan di bilik sumber UiTM Kampus Machang supaya menjadi bahan rujukan pada masa akan datang. Temubual ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian pertama latar belakang yang merangkumi peribadi, pendidikan dan kerjaya awal. Bahagian kedua tentang penglibatan seniman. Bahagian ketiga berkenaan pencapaian, anugerah dan sumbangan. Akhir sekali, bahagian keempat pendapat, pandangan dan nasihat.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG SENIMAN</b>		
00.00	Ucapan Pembukaan	Nuraina Firzani Binti Mohd Azahani
02.02	Sesi Pengenalan	Syed Mahmud bin Syed Ibrahim
02.21	Alamat Tempat Tinggal	
02.36	Nama Isteri Syed Mahmud	
02.47	Nama Ibu Bapa Syed Mahmud	
03.07	Bilangan Adik Beradik	
03.23	Hobi Syed Mahmud	Bersukan



03.54	Media Sosial	3S Batik Village
04.14	Pendidikan awal dan pendidikan tertinggi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekolah Kebangsaan Pendang</li> <li>2. Sekolah Vokasional [Engineering Institute Technology]</li> </ol>
05.09	Mata Pelajaran Kegemaran	Kejuruteraan
06.15	Kelab persatuan di sekolah	Kelab Bahasa Malaysia
07.04	Jawatan yang disandang semasa di sekolah	Ketua Pengawas
07.27	Cita-cita sebelum menjadi pembuat batik	Seorang usahawan
11.10	Pekerjaan Pertama	Juruteknik bangunan Kuala Lumpur
15.16	Faktor melepaskan pekerjaan pertama	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Usia meningkat</li> <li>2. Ingin bersara</li> </ol>
15.42	Pekerjaan Terkini	Usahawan batik Pembuat batik
13.24	Tempoh pekerjaan terkini	20 lebih tahun

17.27	Rahsia mencapai kejayaan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Minat batik</li> <li>2. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang perniagaan</li> </ol>
<b>BAHAGIAN 2: PENGLIBATAN SENIMAN DALAM SENI BATIK</b>		
18.55	Detik penglibatan dalam seni batik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Banyak melakukan penyelidikan di luar negara tentang batik</li> <li>2. Mengkaji motif-motif Islamik dalam seni batik</li> </ol>
21.25	Umur menceburi batik	60 Tahun
21.53	Antara jenis-jenis batik yang dihasilkan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Batik Blok/Terap</li> <li>2. Batik Pelangi</li> <li>3. Batik Lukis</li> </ol>
22.05	Batik jepun	<i>Shibori Tips</i>
24.27	Batik pertama yang dihasilkan	Batik Blok
28.06	Jumlah modal semasa awal menceburi batik	RM20,000 lebih
32.10	Tempoh proses membuat batik	8 hingga 10 jam

34.38	Pembantu/Pekerja Syed Mahmud	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar lepasan IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara]</li> <li>2. Pelajar lepasan IKN [Institut Kemahiran Negara]</li> <li>3. Pelajar UiTM [Universiti Teknologi MARA]</li> </ol>
46.05	Tempat untuk mempromosikan hasil kraftangan batik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Muzium Padi</li> <li>2. Pekan Rabu</li> <li>3. Hotel Jerai</li> </ol>
41.10	Persatuan yang ditubuhkan untuk kumpulkan peniaga-peniaga kraftangan	Persatuan Pengusaha Kraf Kedah
41.13	Jawatan yang disandang didalam persatuan	Pengerusi
47.08	Bilangan Ahli Persatuan Kraftangan Kedah	42 orang ahli
01:01:06	Faktor yang diambil kira dalam penjagaan batik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jangan terdedah kepada matahari</li> <li>2. Batik sutera tidak boleh basuh menggunakan mesin basuh.</li> <li>3. Tidak boleh membasuh batik menggunakan</li> </ol>

		sebarangan pencuci
01:03:23	Bilangan jualan batik dalam setahun	RM60,000
01:06:23	Kawasan yang paling terkenal dengan pembuatan batik yang cantik	Selangor
01:08:40	Batik yang paling diminati ramai	Batik kanvas/printing
01:09:13	Harga jualan Batik kanvas	RM10 hingga RM20
01:13:54	Antara cabaran yang dihadapi semasa peringkat awal menceburi batik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Beliau bukan dari pendidikan bidang batik atau kesenian</li> <li>2. Terlalu banyak nama jenis kain untuk di ingat.</li> <li>3. Banyak warna-warna yang perlu diketahui.</li> </ol>
<b>BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN/ANUGERAH DAN SUMBANGAN SENIMAN</b>		
01:29:47	Pencapaian yang paling diingati	Mendapat Tempat ke-2 Kategori Produk Tekstil dalam pertandingan Showcase: Satu Daerah Satu Insudtri peringkat nasional 2014.
01:31:57	Perancangan pada masa akan datang	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ingin bersara</li> </ol>

		2. Membiarkan anak-anak untuk meneruskan bidang seni batik
01:35:57	Penerimaan orang luar semasa bekerjasama dalam bidang seni batik	Tidak mempunyai masalah dan saling memahami rezeki perniagaan masing-masing
01:37:00	Projek terkini yang akan dilakukan	Bercadang untuk membuat batik clay [tanah liat] dan sedang mereka bentuk
01:38:24	Sumbangan yang diberikan sepanjang penghasilan batik kepada masyarakat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengalu-alukan sesiapa sahaja untuk berkecimpung dalam bidang ini walaupun tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang batik.</li> <li>2. Memberi pengetahuan kepada sesiapa sahaja kerana pihak kraftangan juga turut mempunyai komuniti</li> </ol>
<b>BAHAGIAN 4: PENDAPAT/PANDANGAN/NASIHAT DARIPADA SENIMAN</b>		
01:43:52	Perkara penting yang orang lain perlu tahu mengenai bidang batik	Orang ramai perlu mencintai batik dan kenali batik dengan lebih mendalam.

01:44:44	Batik digital	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Batik yang dicetak</li> <li>2. Batik yang tidak tulen</li> </ol>
01:46:04	Contohi batik di Indonesia	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rakyat Indonesia memakai baju batik di majlis keramaian.</li> <li>2. Pemakaian batik adalah setiap hari.</li> <li>3. Mengadakan Hari Batik.</li> </ol>
01:48:50	Pandangan terhadap seni batik pada masa kini	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berasa bangga apabila melihat Menteri Kesihatan memakai batik setiap kali membuat pengumuman.</li> <li>2. Batik merupakan agenda yang besar.</li> <li>3. Menggalakkan pekerja awam untuk memakai batik.</li> <li>4. Menyarankan masyarakat untuk berpakaian batik pada majlis-majlis tertentu.</li> </ol>
01:52:09	Antara jenis-jenis kraf	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Batik</li> <li>2. Songket</li> <li>3. Kerawang</li> </ol>

01:54:22	Kriteria utama untuk menjadi pelukis batik	Perlu ada minat yang tinggi terhadap batik.
01:56:20	Seni batik sebagai kerjaya	Batik sangat terkenal di luar negara dan boleh dijadikan sebagai kerjaya
01:58:04	Cara untuk kekalkan semangat dalam bidang batik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jangan putus asa</li> <li>2. Mula daripada menghasilkan produk batik kecil-kecil seperti dompet, anak patung dan cekak rambut.</li> </ol>
02:01:42	Harapan kepada generasi yang berminat dan ingin ceburi batik	Pihak atasan berperanan membuat pendedahan tentang batik sejak dari awal peringkat sekolah.

# **DIARI KAJIAN**



## DIARI KAJIAN

NO.	MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1.	12:00 p.m. - 1:00 p.m.	Minggu 1 (20 March 2023)	Perbincangan Projek Kajian	Membuat kajian dan mempelajari tentang sejarah lisan dan tradisi lisan
2.	11:00 a.m. - 12:00 p.m.	Minggu 2 (27 March 2023)	Pembentukan Kumpulan	Pembentukan kumpulan yang terdiri daripada dua orang (Nuraina Firzani dan Nurul Hafeeza)
3.	11:00 a.m. - 12:00 p.m.	Minggu 3 (03 April 2023)	Pemilihan Tajuk dan Tokoh Kajian	Memutuskan untuk membuat kajian tentang tokoh yang dipilih
4.	12:00 p.m.	Minggu 4 (10 April 2023)	Pemilihan Tarikh Temubual	Memilih tarikh untuk menemubual tokoh
5.	12:00 p.m. - 01:00 p.m.	Minggu 5 (17 April 2023)	Kajian Literatur dan Penulisan Kertas Kerja	Membuat cadangan awal untuk menentukan tujuan dan objektif temubual ini
6.	11:00 a.m. - 01:00 p.m.	Minggu 6 (08 Mei 2023)	Perbincangan Berkaitan Soalan Temubual	Membentuk soalan-soalan yang berkaitan tokoh mengikut bahagian yang ditetapkan
7.	12:30 p.m. - 01:30 p.m.	Minggu 6, 7, 8 (08, 15, 22 Mei 2023)	Pembetulan Soalan Temubual	Membuat rundingan bersama pensyarah berkaitan soalan dan membetulkan semula soalan

8.	9:00 a.m. - 10:00 a.m.	Minggu 8 (22 Mei 2023)	Mula Menghubungi Tokoh	Mencuba menghubungi tokoh yang telah dipilih untuk ditemu bual
9.	11:00 a.m. - 01:00p.m.	Minggu 9 (30 Mei 2023)	Temu bual Dijalankan	Temu bual dijalankan di kediaman tokoh seperti yang telah dirancang
10.	02:00 p.m. - 03:00 p.m.	Minggu 10 (12 Jun 2023)	Membahagi Bahagian	Mula membahagi bahagian temu bual untuk memulakan proses menaip
11.	02:00 p.m. - 05:00 p.m.	Minggu 11, 12 (19, 26 Jun 2023)	Mula Menaip Transkrip	Proses menaip transkrip dimulakan
12.	10:00 a.m. - 12:00 p.m.	Minggu 13 (03 Julai 2023)	Mula Membuat Bahagian Yang Diperlukan Di Dalam Transkrip	Melihat secara terperinci setiap bahagian dan mula melakukan kerja-kerja tersebut
13.	09:00 p.m. - 11:00 p.m.	Minggu 14 (10 Julai 2023)	Menyusun Bahagian Transkrip	Mula menyusun transkrip mengikut bahagian dan format yang telah ditetapkan
14.	11:00 p.m.	Minggu 15 (29 Julai 2023)	Menghantar Tugasan Penuh	Transkrip telah dihantar kepada pensyarah mengikut format yang betul secara <i>softcopy</i>

# **SENARAI SOALAN**

# SENARAI SOALAN

## Soalan Temubual bersama Encik Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim

### Pengenalan : [rakam sebelum temubual]

Temubual ini dijalankan untuk memenuhi tugas khusus bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama seniman yang dipilih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni batik. Bersama-sama kami ialah Syed Mahmud Bin Syed Ibrahim. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 Mei 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada jam 10.24 pagi bertempat di pejabat urusan 3S Batik Village di Jitra, Kedah. Temubual ini dikendalikan oleh Nuraina Firzani binti Mohd Azahani dan Nurul Hafeeza binti Ghazali. Dengan segala hormatnya temubual ini dijalankan.

### 1.0 Latar Belakang

#### Peribadi

1. Bolehkah saya tahu nama penuh encik?
2. Di manakah encik dilahirkan?
3. Berapakah umur encik?
4. Boleh encik beritahu alamat rumah yang menetap sekarang?
5. Adakah encik sudah berkahwin?
6. Apakah nama isteri encik?

7. Berapa orang anak encik?
8. Boleh saya tahu nama penuh ibu bapa encik?
9. Berapakah bilangan adik beradik encik?
10. Encik anak ke berapa?
11. Jika kelapangan, apakah aktiviti yang encik lakukan?
12. Adakah encik gemar melayari laman-laman sosial media yang sedia ada sekarang seperti Facebook, Instagram dan Twitter?
13. Boleh encik kongsi kan apakah nama sosial media encik?

### **Pendidikan**

14. Bolehkah encik menceritakan sejarah pendidikan awal seperti sekolah rendah sehinggalah tahap yang tertinggi?
15. Apakah bidang yang encik ceburi semasa pendidikan awal dan tertinggi tersebut?
16. Apakah mata pelajaran yang menjadi kegemaran semasa persekolahan dahulu?
17. Siapakah guru yang paling diingati semasa persekolahan?
18. Siapakah pengajar yang paling diingati semasa di Universiti?
19. Apakah persatuan kelab yang pernah encik sertai?
20. Apakah kenangan yang encik tidak dapat lupakan semasa zaman belajar?
21. Apakah pencapaian terbaik encik pernah peroleh sepanjang pengajian?
22. Apakah cita-cita encik sekiranya tidak terlibat dalam bidang seni batik?
23. Adakah encik pernah mengikuti kursus-kursus professional berkaitan bidang seni batik?
24. Adakah kursus tersebut dari kraftangan cawangan Kedah?

25. Di situkah bermulanya encik menceburi bidang batik ini?
26. Pada umur berapakah encik mengikuti kursus tersebut?
27. Apakah persatuan kelab yang pernah encik sertai?
28. Apakah pencapaian terbaik encik pernah peroleh sepanjang pengajian?
29. Apakah kenangan manis yang encik tidak boleh lupakan semasa berada di kursus professional?

### **Kerjaya Awal**

30. Selepas tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama encik?
31. Di manakah pekerjaan pertama encik?
32. Encik minta pekerjaan tersebut ataupun ditawarkan?
33. Encik tinggal di Kuala Lumpur agak lama juga. Adakah disebabkan kerja?
34. Bilakah encik pulang ke Kedah?
35. Encik asal negeri mana?
36. Berapa lamakah encik bekerja di situ?
37. Apakah sumbangan encik sepanjang berkhidmat pada waktu tersebut?
38. Adakah encik ada menjalankan pekerjaan sampingan lain?
39. Adakah encik berhenti sendiri daripada pekerjaan tersebut untuk menceburi bidang seni batik ini?
40. Apakah pekerjaan encik sekarang?
41. Bagaimana encik menceburkan diri dalam kerjaya sekarang?

## 2.0 Penglibatan

### Sebagai Seorang Pelukis Batik

42. Sejak bilakah encik meminati seni lukisan batik?
43. Dari manakah pendedahan itu berlaku?
44. Encik ada mengatakan tadi, encik membuat penyelidikan tentang batik di kawasan tertentu, boleh encik terangkan?
45. Apakah contoh tempat Islamik yang mempengaruhi encik untuk mereka bentuk seni batik?
46. Pada usia berapakah encik mula didedahkan dengan seni lukisan batik?
47. Boleh encik ceritakan bagaimana bermulanya karier encik sebagai pelukis batik?
48. Adakah bermulanya daripada minat, encik ambil keputusan untuk terus jadi pelukis batik?
49. Siapakah yang paling banyak menyokong perjalanan karier encik dalam bidang lukisan batik?
50. Apakah jenis batik yang pertama sekali encik hasilkan?
51. Dari manakah encik belajar untuk melukis batik?
52. Apakah jenis-jenis peralatan yang digunakan untuk menghasilkan seni batik ini?
53. Adakah bahan-bahan pembuatan batik telah disediakan oleh pihak kraftangan Kedah semasa encik mula-mula mempelajari batik?
54. Berapakah modal yang diperuntukkan?
55. Adakah penghasilan batik ini memerlukan perancangan masa hadapan?
56. Adakah pembuatan batik itu dari modal encik sendiri?
57. Adakah peralatan untuk menghasilkan seni batik itu sukar diperoleh?

58. Kaedah lukisan batik kebanyakannya menggunakan kaedah tradisional atau moden?
59. Apakah teknik pembuatan batik yang sering encik gunakan?
60. Adakah lukisan batik yang dihasilkan kebanyakannya daripada idea encik?
61. Teknik pembuatan batik yang sering encik gunakan ialah blok atau ke arah tradisional?
62. Bagaimanakah encik mendapat ilham untuk menghasilkan sesuatu corak batik?
63. Berapakah lamakah proses lukisan batik ini?
64. Pada kebiasaannya, berapa lama masa yang akan diambil oleh seseorang untuk mempelajari dan menghasilkan satu jenis batik?
65. Bagaimana pula dengan encik? Berapa lama masa yang diambil oleh encik untuk menghasilkan satu jenis batik?
66. Adakah pembuatan batik blok susah?
67. Bagaimana pembuatan batik blok? Adakah seperti batik cop?
68. Berapa lama tempoh untuk mempelajari sesuatu idea batik?
69. Adakah encik mempunyai pembantu untuk menguruskan hal yang berkaitan dalam bidang lukisan batik ini?
70. Berapakah julat umur pekerja-pekerja encik?
71. Pada pendapat encik, adakah penting untuk seseorang pelukis batik mempunyai kenalan yang ramai yang mengetahui tentang seni batik ini?
72. Adakah encik mempunyai banyak kenalan dari setiap negeri?
73. Adakah encik selalu berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan mereka?
74. Di manakah encik mempromosikan jualan produk encik?



75. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan mutu kualiti lukisan batik yang dibuat?
76. Adakah pemilihan warna memainkan peranan penting juga untuk mengekalkan mutu kualiti batik?
77. Seperti yang encik katakan tadi seorang pembuat batik memerlukan kesabaran yang tinggi. Kenapa?
78. Pernahkah encik menghadapi kesukaran sepanjang menyiapkan lukisan batik?
79. Adakah usaha yang tidak putus diperlukan dalam pembuatan batik?
80. Adakah encik berpuas hati sepanjang penglibatan sebagai seorang pelukis seni batik?
81. Adakah encik rasa mempromosikan kraftangan batik itu sangat penting?
82. Zaman sekarang ramai yang mempunyai akaun sosial media. Adakah perlu mempromosikan melalui platform tersebut?
83. Bilakah encik tubuhkan persatuan perniagaan Kedah?
84. Contoh kawasan yang sering dikunjungi oleh pelancong di Kedah adalah di Pekan Rabu dan Muzium Padi. Jadi adakah sebagai usahawan batik ini perlu untuk mempromosikan di sana?
85. Adakah encik seorang sahaja yang mengusahakan persatuan tersebut?
86. Bolehkah encik kongsi apakah aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh persatuan?
87. Bagaimanakah campur tangan kerajaan dalam membantu encik menubuhkan persatuan tersebut?

#### **Sebagai Seorang Seniman Dalam Seni Batik**

88. Bolehkah encik menceritakan sejarah pembabitan encik dalam dunia seni batik?
89. Adakah encik mempunyai saingan dalam bidang seni batik ini?

90. Adakah setiap batik negeri mempunyai keunikan tersendiri?
91. Bagaimanakah penerimaan keluarga encik berkaitan dengan penglibatan encik dalam bidang seni batik ini?
92. Adakah encik mempunyai adik-beradik atau ahli keluarga terdekat yang berkecimpung dalam bidang seni batik?
93. Apakah faktor yang perlu diambil kira dalam penjagaan setiap seni batik?
94. Adakah warna batik tidak akan luntur?
95. Berapakah bilangan jualan dalam setahun daripada penghasilan seni batik ini?
96. Mengapakah encik memilih untuk menceburi bidang seni batik ini?
97. Mengapakah encik tidak memilih untuk melakukan bisnes lain?
98. Adakah encik rasa seni batik ini dapat menjanakan satu pendapatan yang baik?
99. Berdasarkan pengetahuan encik, di manakah kawasan yang terkenal dengan pembuatan batik yang cantik?
100. Adakah encik mempunyai kenalan yang ramai yang berkecimpung juga dalam bidang seni batik ini?
101. Adakah encik pernah menyangka bahawa encik akan terlibat dalam bidang seni batik hingga ke tahap ini dan kenapa?
102. Adakah encik merasa gembira dengan menghasilkan batik dan membuat perniagaan batik sekarang?
103. Bagaimana encik membahagi masa antara keluarga dan pekerjaan?
104. Adakah proses pembuatan batik ini memakan masa yang lama di bengkel?
105. Pada pendapat encik, adakah bidang ini mencabar?

106. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik pada awal penglibatan dalam bidang seni batik?
107. Bagaimanakah encik menghadapi cabaran tersebut?
108. Pada pendapat encik, adakah bidang ini mencabar pada generasi muda zaman sekarang?
109. Bolehkah encik terangkan lebih lanjut tentang cabaran tersebut?
110. Apakah keistimewaan bidang seni batik ini?
111. Bagaimanakah encik mengenal pasti batik tulen atau tidak?
112. Sepanjang terlibat dalam bidang ini, apakah pengalaman manis yang tidak boleh encik lupakan?
113. Apakah pengalaman pahit yang tidak boleh encik lupakan?
114. Pada pendapat encik, apakah keunikan bidang seni batik ini?
115. Apakah kelebihan dan kekurangan apabila terlibat dalam dunia seni batik?
116. Adakah terdapat perkara yang encik tidak suka sepanjang berada dalam bidang seni batik?

#### **1.0 Pencapaian/Anugerah dan Sumbangan**

117. Apakah pencapaian dan anugerah terbesar yang pernah dicapai sepanjang terlibat dalam bidang ini?
118. Bolehkah encik kongsi kan antara kejayaan yang encik paling ingati dalam bidang ini?
119. Adakah dengan menerima anugerah tersebut dapat memotivasikan encik dalam bidang seni kraftangan?
120. Mengapakah encik rasa ianya sangat memotivasikan?

121. Adakah bila encik memenangi pertandingan tersebut encik akan lebih dikenali ramai?
122. Pada usia sekarang, apakah terdapat apa-apa pencapaian yang ingin encik kecap?
123. Adakah encik rasa sudah sampai masa untuk bersara daripada dunia seni batik ini?
124. Adakah terdapat perubahan yang berlaku pada keluarga encik disebabkan perkembangan karier encik?
125. Adakah encik pernah bekerjasama dengan sesiapa yang berkaitan dalam bidang ini?
126. Bagaimanakah penerimaan orang luar semasa bekerjasama dengan encik dalam bidang seni batik ini?
127. Adakah encik mempunyai projek terkini atau lukisan batik yang perlu encik lakukan pada masa sekarang? Boleh kongsi kan serba sedikit?
128. Apakah sumbangan yang encik dapat berikan sepanjang penghasilan batik ini kepada masyarakat setempat?

## **2.0 Pendapat/Pandangan/Nasihat**

129. Apakah perkara penting yang encik mahu orang lain tahu mengenai bidang ini?
130. Adakah encik rasa pentingnya pendedahan tentang pengetahuan batik ini pada masyarakat?
131. Adakah umur menjadi penghalang untuk encik bergiat aktif dalam bidang ini?
132. Sebagai seorang yang arif tentang bidang ini, apakah pandangan encik terhadap seni batik pada masa ini?
133. Pada pendapat encik, apakah yang akan berlaku apabila seseorang itu tidak ada pengetahuan tentang batik?
134. Apakah yang diperlukan oleh seseorang itu untuk menghasilkan seni batik yang terbaik?

Adakah minat atau bakatnya? Atau perkara lain?

135. Pada pandangan encik, apakah kriteria utama untuk menjadi seorang pelukis batik?

136. Apakah pendapat encik mengenai anak-anak muda yang menganggap seni batik ini tidak boleh dijadikan sebagai kerjaya?

137. Adakah perlu untuk anak-anak muda mempunyai rasa cinta akan batik?

138. Pada pandangan encik, adakah bidang seni batik ini boleh dijadikan sebagai kerjaya?

139. Untuk mengekalkan momentum dan semangat dalam bidang ini tidaklah mudah, jadi apakah nasihat encik?

140. Apakah pendapat encik terhadap Seni Batik Malaysia pada negara kita?

141. Apakah harapan encik terhadap Seni Batik Malaysia?

142. Apakah nasihat yang boleh encik berikan kepada generasi sekarang yang ingin menceburi bidang seni batik?

# **SURAT PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya ENCIK SYED MAHMUD BIN SYED IBRAHIM, K/P:..... pada 30 MEI 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.  
Walaupun bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
(Nama tokoh: Syed Mahmud bin  
Syed Ibrahim)  
Tarikh: 30 Mei 2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti  
Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# GAMBAR





Gambar 1: Syed Mahmud menunjukkan koleksi kraftangan batik



Gambar 2: Syed Mahmud menunjukkan koleksi baju batik



Gambar 3: Koleksi tudung batik



Gambar 4: Batik Kanvas



Gambar 5: *Syed Mahmud menerangkan proses mencanting batik*



Gambar 6: *Alat mencanting batik*



*Gambar 7: Syed Mahmud menerangkan alat batik tekap/cop*



*Gambar 8: Sesi pemberian saguhati kepada Seniman Syed Mahmud*

# **SIJIL PENGHARGAAN**



Gambar 9: Sijil Anugerah Pemenang Tempat Ke-2 Kategori Produk Tekstil

# **GLOSARI**

## GLOSARI

Batik	Satu jenis kain yang dihasilkan melalui proses menerap lilin cair dan mencelup warna
Kolaborasi	Kerjasama dengan seseorang atau sesuatu pihak untuk melakukan sesuatu
Kraftangan	Penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja
<i>Managing Director</i>	Pengarah Urusan (MD) merupakan Pengarah yang memiliki kuasa yang luas bagi menentukan operasi dan pelaksanaan Syarikat
Usahawan	Sesiapa yang terlibat dalam perniagaan, baik membuat, menjual ataupun berdagang barang-barang, pemilik tunggal bagi syarikatnya
<i>Homestay</i>	Gabungan perkataan Bahasa Inggeris iaitu home dan stay, yang membawa maksud rumah tinggal
Motif Batik	Corak atau pola yang menjadi lukisan sehingga terhasil rupa pada batik
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	Kawalan pergerakan penuh untuk lokasi tertentu yang dikesan mempunyai kluster



besar Covid-19

Gazet	Mewartakan, mengumumkan, atau mengisytiharkan (secara sah dalam media rasmi)
Pelukis	Seniman, artis, seseorang yang membuat seni
Reka Bentuk	Pengetahuan tentang penyusunan bahan secara terancang untuk menghasilkan sesuatu produk yang memberi impak kepada kehidupan manusia
Identiti	Suatu hubungan yang ditanggung oleh setiap perkara hanya dengan dirinya sendiri
<i>Research</i>	Persoalan berhati-hati atau pengujian bertujuan mendapatkan atau menemukan maklumat atau perhubungan dan mengembangkan dan mengesahkan pengetahuan tersedia
Karier	Kerja atau profesion yang menjadi kegiatan berpanjangan seseorang dalam hidupnya, kerjaya
Canting	Alat daripada tembaga yang digunakan sebagai bekas lilin cair untuk melukis corak pada kain, cap alat untuk mencetak kain

<i>Shibori Tips</i>	Kesenian khas Jepun yang menciptakan pola pada kain melalui proses pencelupan pada pewarna khusus
Pengidang	Tempat membuat, melakar batik
Galeri	Bangunan atau bilik tempat mempamerkan karya-karya seni
AutoCAD	Perisian reka bentuk komputer yang paling dikenali
Persatuan	Satu gabungan, ikatan dan kumpulan
Tradisional	Tradisi, gaya bahasa dan teknik bercorak
Ilham	Petunjuk
Corak	Susunan motif sama ada secara teratur, terancang atau secara bebas
Cenderamata	Sesuatu pemberian kepada seseorang sebagai tanda ingatan yang berbentuk kekal
Media Sosial	Media yang digunakan terus secara bertalian dengan membolehkan para pengguna , dengan mudah untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi kandungan tersendiri
<i>Copyright</i>	Hak cipta, salah satu bentuk hukum kekayaan intelektual yang memberikan

	hak eksklusif kepada pemilik untuk memungkinkan ia menentukan bagaimana karyanya dapat digunakan
Inkubator	Program pembangunan ekonomi yang ditubuhkan untuk meningkatkan kejayaan dan perkembangan di dalam perniagaan
Unik	Tidak sama dengan yang lain, lain daripada yang lain, tersendiri, luar biasa, istimewa
Tulen	Tidak bercampur, bukan tiruan, asli, sejati
Generasi	Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama, angkatan

# INDEKS

## INDEKS

### A

Antarabangsa 19, 64, 50  
Amerika 83  
Australia 13

### B

Blok 20, 21, 22, 26, 27, 28, 29, 30,  
34, 57, 70, 71, 72, 74, 99, 113  
Bisnes 9, 10, 14, 15, 16, 50, 53, 115

### C

Canting 20, 21, 26, 27, 29, 30, 31,  
42, 43, 46, 49, 50, 60, 62, 75, 85,  
124, 130  
Corona Virus Disease 79  
Consultant 13

### D

Digital 77, 103  
Director 14, 15, 90, 129

### E

E-mel 5  
Engineer 14  
Engineering Institute Technology 7,  
90

### F

Fauna 18, 48, 49  
Flora 18, 48, 49

### G

Gunung Jerai 41  
Georgetown 47

### H

Hotel 41, 45, 100

### I

Institut Kemahiran Belia Negara 31,  
32, 60, 90  
Institut Kraftangan Negara 31, 54, 74  
Indonesia 61, 78, 83, 85, 103

### K

Ketua Setiausaha Negara 61, 62, 79,  
90  
Kelantan 27, 48, 54  
Kapas 43, 44, 51, 52, 59, 82  
Kerjaya 11, 17, 82, 83, 96, 104, 111,  
118  
Kuala Lumpur 12, 13, 14, 33, 54,  
55, 56, 57, 90, 98

**L**

Langkawi 39, 43

**M**

Moden 25, 113

Muzium 38, 39, 41, 43, 55, 100, 114

Melayu 13, 36, 37, 61, 78, 79

**N**

Naphthol 51, 58

**O**

Optimis 53

**P**

Perintah Kawalan Pergerakan 16,  
31, 33, 44, 47, 90, 129

Perlis 33, 70

Poplin 59

**Q**

Quantity Survey 14

**R**

Remazol 58

**S**

Shibori Tips 20, 21, 22, 27, 50, 51,  
99, 131

Sutera 43, 44, 51, 52, 59, 81, 100

Selangor 54, 101

**T**

Tradisional 25, 27, 53, 113, 131

Terengganu 27, 48

Teknik 27, 48, 51, 113

Tekstil 18, 53, 62, 66 101, 127

**U**

Universiti Teknologi MARA 10, 20,  
24, 26, 31, 43, 56, 90, 96, 100, 120

Universiti Utara Malaysia 80, 90